

Volume III
No. 33



Thursday
16th February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4641]

BILL:

The Supply (1967) Bill—

Committee (Tenth Allotted Day):

Head S. 30 [Col. 4652]

Heads S. 31 to S. 38; Heads S. 43 to 46 [Col. 4731]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Thursday, 16th February, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Deputy Speaker, TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

The Honourable TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- .. TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- .. TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- .. PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- .. TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- .. TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- .. TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SANDOM ANAK NYUAK, A.M.N. (Sarawak).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUAN SIOW LÖONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

The Honourable TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

- „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- The Honourable DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- .. TUAN STANLEY HC NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- .. TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- .. TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kepada Perdana Menteri bila-kah Kerajaan akan menyerahkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan kepada seorang Menteri yang memegang jawatan penuh dan bukan kepada seorang Menteri yang hanya merangkap seperti sekarang.

The Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini baharu di-tubuhkan dan sungguh pun mustahak, di-fikirkan boleh di-jaga pada masa ini oleh seorang Menteri yang merangkap satu Kementerian lain dengan ada-nya seorang Menteri Muda. Ini ada-lah satu langkah untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagaimana yang ternyata di-dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Kementerian ini, walau pun baharu, tetapi amat-lah mustahak di-dalam sa-sabua negeri yang sedang maju sa-bagaimana negara kita ini. Ada-kah Kerajaan berfikir bahawa dengan chara tidak mewujudkan awatan yang penuh itu benda ini menepati hendak mengurangkan perbelanjaan, atau pun kalau kita memenohi hasil daripada service yang

di-berikan oleh Menteri penoh itu lebih menguntungkan kita?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan puas hati dengan perjalanan Kementerian ini dengan keadaan yang ada sekarang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kita sudah berpuas hati, tidak-kah itu menjadi satu hujah bahawa Menteri Muda itu patut di-angkat menjadi Menteri yang penoh, atau pun ada sa-suatu hendak menekankan tokoh² daripada Pantai Timor supaya memberi kapada tokoh² daripada Pantai Barat?

Tun Haji Abdul Razak: Soal menaikkan pangkat, itu satu soal lain. Tokoh daripada Pantai Timor pun ada dalam Kementerian. Saya pun datang daripada Pantai Timor, bukan daripada Pantai Barat (*Ketawa*).

BILANGAN PEGAWAI² ARKIB MUDA

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Perdana Menteri berapa bilangan Pegawai² Arkib Muda yang telah di-beri latehan dalam tahun 1966, dan berapa-kah jumlah mereka yang berjaya di-dalam peperiksaan bagi menyandang jawatan Penolong² Arkib.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1965 satu orang Pegawai Kerja Arkib dan 7 orang Pembantu Arkib semua-nya berjaya dalam peperiksaan mereka. Dalam tahun 1966, 2 orang Pegawai Kerja Arkib dan 3 orang Pembantu Arkib telah di-beri latehan peperiksaan bagi mereka ini akan di-adakan pada 20hb Februari ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kapada mustahak-nya kerja² bahagian Arkib bagi negeri kita yang sedang hendak menyusun sejarah dan hendak menyusun rekod² lama, ada-kah pehak Kerajaan kita bersedia untuk menambahkan lagi pelateh² dalam tahun ini? Kerana, pada pendapat saya, mengikut ma'alumat² yang sampai kapada saya bahawa dalam satu tahun—1965 dengan 1966 ini, memang banyak sangat perkara²

yang patut di-hadapi oleh bahagian yang sa-macam ini, tetapi hanya kita ada sa-orang dua orang sahaja yang pergi berlateh, ini pun hendak masok peperiksaan pada bulan Februari ini. Tidak-kah Kerajaan merasa benda itu telah tertinggal sangat dalam perkara ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi melawat Pejabat Arkib Musium Negara ini, dan saya berasa puas hati dengan pekerjaan yang di-jalankan sekarang ini. Pejabat ini, tidak dapat tiada akan bertambah besar pada masa akan datang ini, dan jika mustahak ditambah pegawai, kita akan tambahkan daripada satu masa ka-satu masa menurut kehendak² pekerjaan yang di-buat oleh Pejabat ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Berbangkit daripada latehan pegawai² yang berkenaan, ada-kah benar bahawa sa-orang pakar dalam perkara Arkib daripada UNESCO telah memberi pandangan² supaya Kerajaan kita mengirinkan lebih banyak pada tahun 1967 dan 1966, kerana pada tahun 1967 dan 1966 itu ada latehan² yang meluas di-Paris, dan berkaitan dengan itu, ada sa-orang pegawai di-kirim daripada UNESCO baharu² ini kapada kita. Jadi, ada-kah shor itu benar sudah sampai dan apa-kah tindakan Kerajaan di-atas perkara itu.

Tun Haji Abdul Razak: Ini soal baharu, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' boleh hendak menjawab sa-belum mendapat masa untuk menyiasat perkara ini.

ANNUAL COST OF IMPLEMENTATION OF CLAIMS BY TEACHERS

3. Dr Tan Chee Khoo (Batu) asks the Minister of Education to state how much it will cost per year to implement the following claims by teachers:

1. Equal pay for women;
2. Medical Benefits;
3. Housing Benefits;
4. D.T.C. Parity;

giving the figures separately for each category.

The Minister of Education (Tuan Mohamed Khir Johari): Mr Speaker, Sir, as regards equal pay for women, the subject of equal pay for women employees has been conducted as one whole exercise with distinction in terms of teachers or other categories of employees. The total extra expenditure annually for all women employees including teachers, calculated according to the Government scheme of implementation, amounts to approximately \$12.6 million. If the calculation is done according to the scheme of implementation, as suggested by the Staff Side Divisions I to IV of the National Whitley Council, the sum amounts approximately to \$17.7 million.

With regard to medical, housing benefits and D.T.C. parity, these three subjects form part of the report of the special committee to review the Unified Teaching Service principles and other problems relating to the teaching services. This report, as the Honourable Member now knows, is not for release to the public. I would like to reiterate here that this report together with my comments thereon has been given to Members of the Cabinet as advance information. The Cabinet will be able to consider the report, including these three subjects, on receipt of comments by the Treasury and the Establishment Office, Malaysia, channelled through my Ministry. I regret I am not able at this stage to give the actual cost of implementing these three claims but I can assure the Honourable Member that it will amount to a very large sum.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that in view of the fact that as it is the declared intention of the Government to give equal pay for women, that he himself has announced D.T.C. parity then there remains only housing and medical benefits for those working in the U.T.S. In view of the fact that there is no area of disagreement between the Minister and the teaching profession, in particular the N.U.T. and K.K.G.S.K., will the Minister make a special effort before he leaves this country for some overseas conference to smoke the pipe of peace with the

teachers so as to bring about industrial peace amongst the teachers of this country?

Tuan Mohamed Khir Johari: I will try, but I am not a pipe smoker (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, seeing that the Minister does not want to smoke the pipe of peace, perhaps, he will smoke a cigar with the teachers. Will the Minister convene this National Joint Council of the Teachers Panel of the Whitley Council as a first step towards bringing about industrial peace with the teachers, or is there any special reasons why he has not convened that Teachers Panel?

Tuan Mohamed Khir Johari: The meeting of the Teachers Panel, on the N.J.C.T., is not convened by me but convened by the Chairman of the N.J.C.T., who is the Principal Establishment Officer, Malaysia, and I have been told that the date for the next meeting of the N.J.C.T., has already been fixed, before my departure for Chile.

Dr Tan Chee Khoon: In view of the fact that the Minister tells us now that he is departing for Chile, will he, before he leaves this country, instruct his Ministry officials to make a special effort—in view of what I have said, that the room for disagreement actually is very small—to get this Teachers Panel Meeting that he has mentioned going and that the Ministry officials would make every effort to resolve the differences with the teachers?

Tuan Mohamed Khir Johari: In fairness to my officers, they all have made all efforts to get this thing settled as quickly as possible.

TEACHERS UNDER THE TRUSTED AND BENHAM SCHEMES WHO OPTED INTO THE UNIFIED TEACHING SERVICE

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education the reasons why not all teachers who were in the Trusted and Benham Schemes before but who later opted for the U.T.S. were not

allowed to revert to the former schemes now.

Tuan Mohamed Khir Johari: Mr Speaker, Sir, the attention of the teachers under reference who opted into the U.T.S. was drawn to the fact that once they opted into the U.T.S. they would not be allowed to revoke their option. However, the Ministry will exercise its discretion to permit revocation of options only in cases, where it is clear that a teacher will suffer financial loss by reason of his option and that it has good reason to believe that he would transfer to a higher grade than to the one to which he is in fact eligible to convert. These arrangements of revocation accord with the principle pertaining to the matter.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable Minister aware that the principle that he has enunciated about reversion to the Trusted or Benham Scheme does occur among other officers, who have suffered by opting to U.T.S. now wanting to come back? Is the Minister aware that several officers concerned in this category had made representations for reversion either back to Benham or Trusted Scheme, but unfortunately no action has been taken. Now that the Minister has enunciated this principle, will he instruct his permanent officials in the Ministry to implement what he has enunciated just now?

Tuan Mohamed Khir Johari: As far as I know, quite a number of cases have already been implemented, and I have personally approved so many applications for revocation.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, I am not saying that the Ministry has not approved of reversion back. What I am saying is that there are several more cases, who have not succeeded to revert their previous schemes and, if so, will the Minister, as I stated before, give an assurance that he will take speedy action on the cases that are pending still.

Tuan Mohamed Khir Johari: Yes, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri kita sedar bahawa masaalah ini mengakibatkan penderitaan yang besar, khusus-nya berlaku di-Maktab S.I.T.C. di-Tanjong Malim ia-itu penuntut² yang memasoki di-dalam Universiti, kerana latehan yang tertentu, kemudian apabila berkhidmat di-sana, hendak balek kepada bahagian yang asal itu, tidak di-benarkan. Dan dengan demikian, tangga² gaji mereka itu di-sekat, dan sekarang ini menjadi satu masaalah yang boleh menimbulkan kerumitan lagi kepada Kementerian kita mengikut surat² edaran yang sampai itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada, tetapi harus di-ingat juga bahawa mereka itu sudah memasoki dalam U.T.S. dengan mata terbuka. Jadi sekarang baharu dia nampak, waktu mula dahulu dia nampak kata dapat keuntungan dari U.T.S., tetapi sekarang dia nampak dia rugi, dia hendak masuk balek, jadi sudah kita sesudah akad nikah dan hendak cherai balek, tentulah mengambil masa, kita hendak pereksa-lah lagi sebab²-nya dan sebagainya (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tentu bagi S.I.T.C. itu, kerana Maktab itu mempunyai sejarah dan saya hendak tahu daripada Kementerian kita ini sama ada dengan jalan hendak memereksa atau pun tidak, ada-kah perkara ini di-beri satu pertimbangan yang khas. Sebab saya bimbang yang pehak Menteri kita ini akan keluar dari Malaysia ini, menjalankan tugasnya. Kalau Menteri kita ada dalam negeri ini, saya tidak bimbang, sebab dia boleh menghadapi kenyataan itu. Saya bimbang, takut kalau² dia tidak ada di-sini maka timbul anasir² daripada orang² yang berpengaruh di-dalam Parlimen dan sa-balek sana juga; berkenaan dengan S.I.T.C. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, berbangkit di atas tudoh-menudoh, Menteri baharu dengan Menteri lama, tentang order lama dan order baharu, pesaka-mempesakai segala benda-nya yang tidak betul itu. Dan barangkali Menteri kita itu faham apa yang saya

kata itu. Jadi ada-kah tindakan khas hendak di-buat untuk S.I.T.C.

Tuan Mohamed Khir Johari: Soal ini, problem ini, problem S.I.T.C. ini sangat kechil. Sa-benar-nya, bagi perasa-an saya ini harus dapat di-selesaikan dengan segera.

FORAM YANG TELAH DI-TAYANGKAN DI-DALAM TALIVISHEN 1966

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran berapa banyak forum yang telah di-tayangkan di-dalam talivishen dalam tahun 1966, dan sebutkan tajok²-nya.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, semua sa-kali 105 forum² telah di-tayangkan di-dalam talivishen bagi tahun 1966, termasuk 60 forum² di-dalam bahasa kebangsaan. Untuk menyebutkan tajok² forum itu di-sini satu persatu, tentu akan meng-ambil masa yang panjang. Jika Ahli Yang Berhormat itu bersetuju, saya akan serahkan sahaja kepada-nya tajok² forum itu untuk tatapan beliau.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menerima kaseh dan bersetujulah hendak tahu itu. Chuma dapat-kah Menteri kita, dengan murah hati dan lapang dada-nya, mencheritakan beberapa tajok yang agak mustahak Dewan ini mendapat tahu. Satu, dua, tiga chukup, jangan tak sebut langsung.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya ada tajok itu di-sini, sahaja hendak tahu kalau Ahli atau Majlis ini berkehendakkan saya bachakan semua. Tetapi kalau satu dua tiga sahaja, dapat di-sebutkan di-sini. Ia-itu satu daripada-nya "Sa-jauh mana-kah kemudahan² yang di-beri oleh Kerajaan dapat mengatas masaalah² kehidupan penduduk² luar bandar."

Saya tidak tahu apa yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tetapi dalam soalan ugama, dapat saya sebut-

kan di-sini "Peranan UGAMA Islam dalam menegakkan demokrasi berparlimen, sa-jauh mana-kah penyiaran ugama mempengaruhi orang² Islam di-tanah ayer; apa-kah peranan masjid² dan surau² di-Malaysia." Ini sa-bahagian daripada beratus² atau berpuluh² tajok² forum yang di-jalankan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan yang terakhir. Saya berterima kaseh-lah kerana tajok itu dan saya tidak-lah menuntut di-sebut kesemua-nya, kerana kita menjaga masa. Forum sa-bagaimana ugama Islam sa-bagai peranan dalam demokrasi Parlimen itu baik-lah, sebab dia boleh di-katakan memberi manifesto perjuangan P.A.S. dalam itu. Ada pun berkenaan kemudahan ranchangan luar bandar ini saya suka hendak tahu, adakah ini terbit daripada ranchangan Kerajaan, atau pun hendak kempen parti Perikatan. Jadi saya shak ini hak Kerajaan menyuroh atau ada satu pehak dalam parti itu menyusun sampai bagitu-nya menarek hati orang.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya forum itu menarek hati Ahli Yang Berhormat, saya perchaya Ahli Yang Berhormat patut memuji forum itu. Dan walau pun forum itu barangkali dengan tidak sa-chara langsung memuji perjuangan parti, tetapi tentu-lah Ahli Yang Berhormat itu faham, bahawa Talivishen Malaysia ia-lah alat Kerajaan dan bukan sahaja forum itu, kadang²-nya memberi persetujuan kepada semua dasar² Kerajaan, tetapi ada juga dalam forum² itu bahathan yang menentang dasar² Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tentang Talivishen apa sahaja dapat, saya minta ma'af, mengapa saya minta hendak masok bersama dalam itu hendak memberi fikiran sampai pada hari ini sudah dua tahun dah telah di-tolak? Sa-kali pun saya tak dapat! Pada hal dahulu sa-belum saya jadi orang kuat P.A.S. ini boleh kata tiap² minggu saya dapat peluang. Bila saya jadi orang P.M.I.P., jawab pun tidak, apa pun tidak, saya tidak pernah bergaduh dengan Menteri ini tetapi dia stop saya bagitu.

Dr Tan Chee Khoon: Following on what the Member for Bachok has stated, will the Honourable Minister consider allowing political parties to participate in these various forums either on television or on radio, so that the different view-points of the various parties can be put before the people of this country, instead of whether it is the Government's point of view or the Alliance point of view only that is being put forth.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Mr Speaker, Sir, the suggestion from the Honourable Member would be considered, but for the information of the Honourable Member, T.V. is always opened to the Opposition Members during the election campaign. So, if the Opposition Members, will wait before the next election, they can then express their opinions and views. *(Laughter).*

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar): Sir, in view of the fact that the figures given by the Minister relate not actually to forums but to Alliance conducted symphonies where the Honourable Minister's famous one voice is expressed through four different vocal cords belonging to Alliance gentlemen, would he at least have the courage of his convictions to state publicly that the word "forum" is a misnomer and from now on to term them "symphonies"?

Tuan Senu bin Abdul Rahman: It is only the imagination of the Honourable Member, Mr Speaker, Sir.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Sir, following up on these T.V. forums which reflect the views of some of the public opinions, my supplementary question would be: Sir, in view of the fact that newspaper editorials reflect independently some of views of the public and the people, would the Honourable Minister consider introducing a programme in television which produces daily extracts on editorials? After all, Sir, Radio Malaysia has a similar programme and it has been proved to be popular and fair.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Mr Speaker, Sir, I will give very favourable consideration to it.

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply. (Tenth Allotted Day).

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Debate resumed.

SCHEDULE

Head S. 30—

The Minister of Health (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya sambong ucapan saya malam yang tidak habis.

Di-chadangkan juga bahawa Undang² Pendaftaran Pergigian di-pinda supaya warga negara² Malaysia yang berkelulusan ijazah pergigian luar negeri dapat bekerja dengan Kerajaan atau Private Practice di-negeri ini. Bagaimana pun untuk mengadakan doktor² gigi yang berkelayakan, sa-buah Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya sedang di-pertimbangkan. Anggaran permulaan menunjukkan bahawa Fakulti ini akan memakan belanja kira² \$3 juta.

Di-samping itu pembinaan sa-buah sekolah Kimia Ubat sedang di-pertimbangkan supaya kekurangan ahli² kimia ubat dalam perkhidmatan Kerajaan atau pun yang bekerja sendiri akan dapat di-atasi.

Sambutan daripada doktor² private untuk berkhidmat chara sambilan—part-time doctor—sangat² tidak menggalakkan. Daripada sa-jumlah 864 doktor² private chuma 12 sahaja yang membuat permohonan.

Usaha² untuk menarek doktor² dalam perkhidmatan Kerajaan untuk pekerjaan kesihatan umum dengan memberi elaun dorongan nampak-nya berjaya. Sekarang lebih banyak doktor² yang memohon untuk mengikuti ijazah kesihatan umum.

Satu usaha kenaikan pangkat menimbang segala struktur tertinggi perubatan, pergigian dan pentadbiran kimia ubat dan jawatan² pakar telah pun siap. Berikutan dengan itu kenaikan

pangkat ka-jawatan² baharu sedang dibuat. Usaha ini akan menyebabkan beberapa pertukaran yang tidak dapat di-elakkan.

Saya berasa bangga memaalumkan kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa Pusat Penyelidikan Perubatan—Institute of Medical Research—telah mengadakan re-organisation dan mendapati kerjasama bukan sahaja daripada Jabatan² Malaysia-nya tetapi juga yunit² antara bangsa yang berkaitan, terutama sa-kali Yunit Penyelidikan Perubatan Tentera Amerika Sharikat dan Yayasan Hooper University, California. Ini telah membawa satu semangat baharu dan memberi kesan kepada sabilangan banyak aktiviti² Kementerian saya. Sa-banyak 60 projek penyelidikan dan kajian telah pun di-jalankan oleh Pusat Penyelidikan Perubatan tahun lalu. Kajian² ini telah menunjukkan ia itu penyelidikan perubatan ia-lah penting, lebeh² lagi mengenai masalaah² penyakit² dan kesihatan yang mempe-ngaruhi atau membahayakan Projek² Pembangunan Negara. Mithal-nya ia itu kerosakan pelajaran kanak² yang tidak sehat, akibat² buroh tidak dapat bekerja dengan sempurna-nya dalam ranchangan² Kemajuan Tanah Persekutuan di-sebabkan oleh penyakit malaria, merebak-nya penyakit demam chuchor darah di-kawasan luar bandar dan kawasan² perumahan yang harus menghalang kemajuan ranchangan² itu.

Untuk menjalankan dengan bijak ranchangan sekarang ini yang sudah pun meluas, Pusat Penyelidikan Perubatan berchadang menyediakan, pada bulan Februari, 1967, Ranchangan Lima Tahun yang teliti. Ini termasuk mengishtiarkan Pusat Penyelidikan Perubatan sa-bagai Pusat Kebangsaan Perubatan negeri² berhawa panas bagi Malaysia. Ini ia-lah projek anjoran Jabatan Setia-usaha Menteri² Pelajaran Tenggara Asia dan Kementerian saya sekarang sedang bekerja rapat untuk membawa kejayaan dengan Kementerian Pelajaran untuk membawa kesedaran kerjasama di-antara negeri² di-Tenggara Asia. Sa-buah sekolah Ma'amal Teknologi Perubatan akan di-tubuhkan dan sekolah ini akan memberi kursus tiga tahun dalam sains ma'amal perubatan. Dengan ini di-

harapkan bahawa sekolah itu akan dapat mengatasi kekurangan ahli² teknik ma'amal sekarang. Juga di-harapkan ia-itu dalam bulan Februari tahun ini sa-buah sekolah bagi Pembantu² Muda Ma'amal dengan mengadakan kursus sa-lama enam bulan di-mulakan untuk memberi perkhidmatan ma'amal yang senang dan biasa bagi orang² sakit luar dan kelinik² kesihatan luar bandar. Sa-bilangan projek² penyelidikan jangka panjang yang membe-ratkan perhatian masalaah kesihatan luar bandar akan di-lancarkan. Pusat Penyelidikan hadapan untuk mem-bawa sa-kurang²nya lima orang Professor yang terkemuka atau ahli² untuk menjalankan pekerjaan penoh untuk menyatukan dan meninggikan penyeli-dekan ka-peringkat yang lebeh tinggi yang belum pernah di-adakan di-negeri ini dahulu.

Segala langkah² untuk mendapatkan bantuan teknikal dan kewangan dari pertubohan² antara bangsa atau negara² yang bersahabat untuk kebanyakan projek² yang di-sebutkan tadi telah di-jalankan.

Latehan: Semenjak tahun 1960 Malaysia Barat telah pun menjalankan satu ranchangan latehan yang chergas dan positif untuk membekalkan kaki-tangan yang di-kehendaki dalam ranchangan pembangunan kemajuan dan sekarang telah pun berhasil. Penge-luaran lain² kaki-tangan perubatan sedang berjalan dengan lancar-nya tiap² tahun. Dalam perjawatan hari ini di-dapati 2,143 Jururawat², 1,898 Penolong Jururawat² dan 1,654 bidan² di-bandingkan dengan 990 Jururawat, 1,082 Penolong Jururawat dan 895 Bidan dalam tahun 1960. Bagaimana pun banyak lagi usaha² yang sedang di-buat untuk melateh kaki-tangan² Rawatan Otak dan satu ranchangan untuk melateh jururawat² kategori ini sedang di-pertimbangkan.

Maseh terdapat kekurangan Pembantu² Ma'amal di-seluruh negeri walau pun latehan bagi Pembantu² ma'amal telah berjalan dengan baik. Kemudah-an² bagi latehan ini di-Pusat Penyeli-dekan Perubatan pada masa sekarang di-hadkan bagi 30 sahaja tiap² tahun.

Untuk mengatasi kekurangan Pembantu² Ma'amal, Kementerian saya baharu sahaja memulakan satu ranchangan lathan bagi Pembantu² Muda Ma'amal. Bilangan Pekerja² Ma'amal yang akan di-hantarkan di-Pusat² Kesihatan akan bertambah apabila ranchangan lathan ini berjalan. Satu usaha untuk melantek 50 Pelat² Pembantu Muda Ma'amal sedang berjalan.

Satu ranchangan baharu bagi Pembantu² Rumah Sakit telah di-mulakan tetapi hasil-nya hanya akan di-dapati sa-lepas tiga tahun.

Di-negeri Sarawak lathan kaki-tangan² segala kategori telah berjalan dan sa-buah sekolah baharu bagi melat² bidan² luar bandar telah pun di-tubuhkan di-Sibu.

Saya suka memberi tahu Ahli² Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah menerima banyak aduan dari orang² 'awam terhadap kaki-tangan² dan perkhidmatan² di-rumah² sakit. Dalam kebanyakan perkara² ini sa-lepas di-siasat lebeh lanjut lagi di-dapati bahawa aduan² ini timbul di-sebabkan salah faham mengenai peratoran² yang betul yang di-tentukan oleh Kerajaan. Kementerian saya telah menubuhkan Jawatan-kuasa Muhibbah di-hampir² kesemua rumah² sakit di-Malaysia Barat. Kejayaan-nya ada-lah terbukti dan bilangan aduan² telah banyak berkurangan semenjak itu. Juga dalam semua kursus² lathan yang di-jalankan oleh Kementerian saya tajok perhubungan 'awam yang baik selalu di-tegaskan.

Kementerian saya telah menerima bantuan yang berharga dari berbagai² pertubuhan dan badan² melalui pakar² kelengkapan² dan biasiswa². Saya adalah mengambil peluang ini untuk mengatakan penghargaan dan terima kasih bagi bantuan² yang telah di-berikan itu.

Saya suka memberi tahu Ahli² Yang Berhormat bahawa sunggoh pun terdapat penambahan dalam Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya untuk tahun 1967 di-bandingkan dengan belanjawan tahun 1966 dan peruntukan ini maseh belum menchukupi lagi untuk menchapai mutu yang

tertinggi bagi berbagai² perkhidmatan² di-Kementerian Kehihatan.

Pegawai² dan kakitangan² Kementerian Kesihatan, bagaimana pun, akan berusaha sa-daya upaya menjaga dan menjalankan perkhidmatan mereka dengan chepat dan sempurna, sunggoh pun ada beberapa kekurangan. Saya harap Ahli² Yang Berhormat akan memahami serta menghargakan jika terdapat beberapa kekurangan dan sa-tengah² projek di-tanggohkan walau pun projek² ini sangat di-hargai oleh sa-tengah Ahli Yang Berhormat. Saya memberi jaminan bahawa penanggohan itu telah di-buat sa-lepas di-timbangan dengan teliti memandangkan kepentingan ekonomi dan keadaan kewangan di-negara kita sekarang. Saya sendiri pun tidak puas hati tetapi apa hendak di-katakan kerana wang tidak men-chukupi.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya shorkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian saya di-luluskan.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap dalam masaalah Kementerian Kesihatan dan Perubatan ini. Bila mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sa-panjang pagi ini dan petang kelmarin nampak-lah bagaimana chahaya² yang hendak di-baharukan dalam masaalah Kesihatan dan Perubatan negeri ini dan jaminan² untuk kesihatan bagi seluroh ra'ayat dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya pada tahun² yang lepas telah pun berchakap atas masaalah Kesihatan di-negeri Kelantan dan khas-nya berkenaan dengan Rumah Sakit Umum Kota Bharu. Tuan Pengerusi, saya sedar, dan memang dalam ucapan Yang Berhormat Menteri itu pun menyatakan, bagaimana sulit-nya masaalah yang di-hadapi untuk memberi doktor² bagi menchukupi seluroh ra'ayat dalam Malaysia ini. Saya sedar kekurangan² ini memang berlaku. Tetapi, Tuan Pengerusi, masaalah kekurangan yang di-alami oleh negeri Kelantan khas-nya atau Pantai Timor, 'am-nya ada-lah amat mendukachitakan sa-kali.

Kejadian ini berlaku berulang² dari satu tahun ka-satu tahun, semenjak zaman penjajah lagi memang di-negeri² di-Pantai Timor ini telah di-tinggalkan. Boleh jadi penjajah ini mempunyai maksud negara² atau yang tidak memberi untong kepada-nya maka mereka tidak akan membangunkan negeri itu—ini-lah kehendak penjajah tetapi kita sudah merdeka 10 tahun. Dalam 10 tahun itu saya tidak menapikan Yang Berhormat Menteri ini banyak membuat sa-suatu untuk kesihatan ini, tetapi, sa-suatu yang dibuat-nya itu ada-lah tidak menchukupi atau maseh berkurangan benar di-negeri saya, di-negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, Hospital Umum di Kota Bharu ini yang di-dirikan 30 tahun dahulu sudah boleh di-katakan *out of date*. Di-masa itu ra'ayat negeri Kelantan hanya dua ratus ribu orang. 30 tahun kemudian hospital itu juga yang di-gunakan dengan di-tampong² di-depan dan di-belakang-nya dan ra'ayat di-negeri Kelantan ini sudah berjumlah 618,000 orang. Tuan Pengerusi, dalam hospital Kota Bharu ini—katil (bed)—ada lebeh kurang 409 khas untuk Rumah Sakit Umum Kota Bharu tidak termasuk Wad T.B. dan sa-bagai-nya. Tetapi memang benar bila Yang Berhormat Menteri ini melawat negeri Kelantan pegawai² ini akan mengatorkan yang menyebabkan Menteri itu tengok tidak begitu susah, tetapi sekarang kalau Yang Berhormat itu pergi melawat ka-hospital di-Kelantan ada-lah amat menyedehkan sa-kali.

Orang² sakit ini kerana tidak ada tempat tidor, tidak ada katil, mereka terpaksa tidor di-lantai, tidak ada tilam mereka tidor beralaskan belenket—selimut—tidak ada kelambu dan tidak ada *uniform* hospital, mereka terpaksa memakai kain mereka sendiri. Kejadian ini, Tuan Pengerusi, berlaku bukan sahaja dalam wad itu (in the middle) tetapi berlaku di-sekeliling keluar wad di-kaki lima hospital. Bila hujan datang akan basah-lah mereka itu dan bila panas datang akan kepanasan-lah orang² sakit ini. Orang² sakit tidak ada siapa yang hendak pergi ka-hospital kalau dia tidak sakit

dan bila dia sakit dia pergi ka-hospital untuk rawatan, mereka mahu, mahu rawatan doktor, ubat dan sa-bagai-nya. Tetapi kalau macham ini-lah gaya-nya, yang pertama orang² yang sakit tidak akan mendapat rehat, tidak akan mendapat rawatan yang baik dan akan menjauhkan lagi, akan melarikan orang daripada pergi ka-hospital, kalau bagini-lah layanan yang sentiasa di-beri.

Dalam bulan Januari, sahaja, Tuan Pengerusi, ada 369 orang sakit lebeh daripada katil, dalam satu bulan. Kejadian ini berlaku di-bulan Januari. Kita tidak tahu kalau pukul panjang dalam sa-tahun berapa. Kadang² orang sakit ini lebeh sa-kali ganda daripada katil yang di-sediakan. Ini-lah benda yang telah saya uchapkan tahun² dahulu dan ini-lah jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, "We will look into this matter". Ini-lah jawapan² yang paling senang, jawapan yang melepaskan tanggungjawab dan tahun ini saya mengulangi permintaan saya ini dan saya harap jangan-lah jawapan itu juga yang di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri ini.

Tuan Pengerusi, kedudukan *ratio* doktor. Bagi negeri² Pantai Barat khas-nya di-negeri Selangor sa-orang doktor dapat merawat tiap² tiga ribu orang, tetapi di-negeri Kelantan tiap² sa-orang doktor dapat merawat 22,000 orang. Ini termasuk doktor² *private*. Kalau harapkan doktor Kerajaan sudah lama orang Kelantan banyak mati. Tambahan pula Tuan Pengerusi, baru² ini berlaku banjir, hospital di-Kota Bharu itu di-naiki ayer dan orang² sakit-nya terpaksa di-pindahkan ka-bangunan sekolah, dalam wad 7 inchi di-naiki ayer—tujoh inchi—di-Hospital Besar Kota Bharu itu tujoh inchi. Jadi kalau-lah bagini orang sakit pun terpaksa di-larikan, apa-tah lagi orang yang sehat. Sa-patut-nya orang yang sehat yang kena bah itu di-bawa lari ka-hospital, ini orang sakit itu terpaksa di-larikan, menunjukkan bahawa hospital yang ada sekarang ini sudah tidak boleh menampung kehendak ra'ayat yang begitu ramai.

Tuan Pengerusi, akhbar *Strait Times* 13hb Februari, telah mengakui bagaimana miskin-nya kedudukan doktor² dalam negeri Kelantan. "*Most unfortunate of all is Kelantan*", kata "*Strait Times*", *the best far, well, is Selangor.*" "*Most unfortunate,*"—saya harap Yang Berhormat ini dapat membaiki; saya lebih dahulu telah mengatakan saya tidak menapikan Yang Berhormat ini telah membuat sa-suatu, tetapi tolong-lah sa-suatu yang di-buat itu bukan di-bandar² besar sahaja.

Dalam rancangan pembenaan hospital, mithal-nya, Yang Berhormat itu telah berchakap hendak mendirikan hospital di-Kuala Lumpur ini dan memang sedang berjalan sekarang dan hospital lain lagi di-Ipoh, di-Kulim, dan sa-bagai-nya, tetapi mengapa tidak di-sebutkan Pantai Timor atau pun Kelantan? Mengapa tidak ada sa-buah rancangan khas untuk Kelantan? Kita tahu di-bandar² besar di-Kuala Lumpur dan di-Ipoh siapa orang yang akan pergi ka-hospital² itu. Kadang², Tuan Pengerusi, pernah terlintas dalam fikiran kita mungkin benar atau mungkin tidak benar dan saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Parliamentary Secretary-nya, pernah terlintas dalam fikiran sa-tengah² orang. Yang pertama adakah Kementerian ini atau pegawai² dalam Kementerian ini maseh mengamalkan apa yang telah di-amalkan oleh penjajah atau ada-kah sa-tengah² mereka dalam Kementerian ini dalam rancangan kesihatan pun mahu menchuba menjalankan dasar pileh kaseh, dasar menganaktirikan. Ini pernah terlintas dan mungkin benar, mungkin tidak benar, kapada mereka tentu itu-lah mempunyai jawapan masing² dalam hati perut mereka.

Tuan Pengerusi, masaalah pergigian. Di-Kelantan ada sa-buah kelinik gigi yang dudok-nya di-tengah² bandar Kota Bharu. Sa-lain daripada Surgeon—doktor besar gigi ini—ada sa-orang Dental Surgeon yang merawat orang tiap² hari dan melawat sekolah² di-sekitar dua jajahan. Sa-orang Dental Surgeon pada tiap² hari dia merawat sa-kurang²nya 200 orang

yang pergi ka-klinik ini untuk mendapat rawatan gigi, dan sa-lain daripada itu dia terpaksa mengawasi kesemua-nya, keseluruhan-nya sekolah² di-dalam dua District—District Kota Bharu dan District Bachok. Sa-orang Dental Surgeon mengawasi District Pasir Mas dan Tumpat mempunyai penduduk 180,000 orang, sa-orang lagi Dental Surgeon mengawasi 3 jajahan—Kuala Krai, Machang dan Tanah Merah.

Tuan Pengerusi, kalau memandang pada ini apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin hendak menambahkan 14 orang doktor² gigi, kalau saya tidak silap, 14 orang, saya harap tolong-lah daripada 14 orang ini churah atau pun jatuh sama titek² itu ka-negeri Kelantan, jangan-lah ashek Kuala Lumpur, Ipoh. Jadi, orang Kelantan sa-olah² tidak sakit gigi.

Mr Chairman, Sir, the Minister has dwelt on the lack of response for part-time doctors in the Government Service and I notice that the sum of \$22,000 plus is being allocated for this purpose in 1967. The Malayan Medical Association has formed a small sub-committee under the chairmanship of its past president, Dr Moreira, to look into this, but one of the grouses of the private practitioners is not that they do not wish to participate in this scheme, and here I wish to make it clear to the Government and to the people of this country at large that the point at issue

is not the paltry sum of \$20 or \$25 that the Government wants to pay to the private practitioners but rather it is a question of fitting the times when the private practitioners can usefully give of their services to the Government.

In fact, I think I am quite correct in saying that a number of us would be prepared to give our services free provided the times are adjusted, so that it would be of use to the Government and of use to us as well, and the Government should be more flexible in their requirements in this matter and not say, "We want you only from 10 a.m. to 12 noon" and no other time. That to me is a wrong attitude to take. Perhaps, if the Ministry can designate an officer to talk it over with representatives of the Malayan Medical Association, more can be done in this direction.

Finally, I wish to bring to the attention of the Minister the trial and tribulations of a patient whom I sent to hospital. Yesterday, I left this House while the Minister was speaking not because I was very tired of hearing the Minister, or I was not paying respect to him, or because I was tired. Mr Chairman, Sir, I left this House in order to go to the General Hospital to see a constituent of mine whom I sent to the hospital. Now, this man of 60 plus is blind and has piles. He had made three trips to the hospital and had been admitted three times into the hospital, and on each occasion in the past he was discharged before he could be operated upon. Then he was given a two months waiting period. I got to know of it, and I rang up the hospital authorities concerned and they gave him an earlier appointment and I brought him to the hospital. But yesterday while I was away, the hospital discharged him and I had to rush to Ward 3 of the General Hospital, Kuala Lumpur, to see about this patient. Mr Chairman, Sir, the reason why he was not operated on is a very simple one. Haemorrhoids as we call it is not an emergency; it is what is called a cold case. Consequently, he was discharged because the ward concerned was choked full of patients

of emergency cases, and the doctors down there had no alternative but to discharge him, in order to look after the emergency cases that occurred there. Here, for the benefit of the radiographers in this country, if the doctors were to say, "We do not want to operate after 4 o'clock", think of the havoc they can cause to the patients of this country. Mr Chairman, Sir, I bring this to the attention of the Minister not because I want to criticise the hospital or the doctors because I do know that they are working under very adverse conditions, but because of the pressure of emergency work; and people with hernia, with haemorrhoids or with bumps and lumps here and there cannot get the attention, that they need and the sooner the Minister gets ready the new General Hospital in Kuala Lumpur the better it will be for not only the doctors in the General Hospital but also for the patients in this country. Thank you.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 30—Ministry of Health, East Malaysia, page 426. Sir, may I take this opportunity to repeat some previous requests made by my Honourable friend from Sarawak in this House regarding the shortage of doctors in the State. For instance, in Sarawak, Second Division, there is only one doctor, with one assistant, who is constantly on the move, for a population of 120,000. The number of cases in Simanggang General Hospital, Second Division, are obviously too many for one doctor to handle. In order to have sufficient medical treatment in this Division, I strongly request the Ministry of Health to recruit more doctors to work there.

At present, Mr Chairman, Sir, there is one doctor in the Sarikei Hospital of the Third Division. I heard that the previous doctor had to pay regular visits to Binatang Dispensary, which is more than 20 miles away from the Sarikei Hospital, and thus he left some cases unattended in the Sarikei Hospital itself. This does not only mean insufficiency of medical care but also unfair distribution of doctors in this

country. So, I would like to draw this to the attention of the Honourable Minister of Health so that he can investigate the matter without further delay.

Furthermore, Mr Chairman, Sir, there should be more rural hospitals established in Sarawak to enable us to expand our medical services to remote areas in the State.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk mengalu²kan ucapan Menteri yang berkenaan yang telah di-bentangkan wang peruntukan-nya di-Dewan ini. Disamping itu saya ingin berchakap di atas S. 30, Pechahan-kepala 29—Rawatan Orang² Sakit (di-Hospital Yang Bukan Kerajaan). Saya hanya hendak menumpang bertanya sedikit sahaja mengenai layanan di-Rumah² Sakit Kerajaan yang mana telah bertahun² di-suara, di-rayu dan di-pohon dengan sa-chara halus dan kasar oleh seluruh ra'ayat negeri kita ini, namun keadaan kechuaian dan kekasaran dan macham² lagi maseh tetap berlaku di-sana sini sa-hinggakan timbul bermacham² perkara yang menakut²kan ra'ayat daripada menghampiri Rumah² Sakit Kerajaan. Kita ta'kan-lah boleh selalu hendak menafikan perkara yang benar² berlaku dengan tujuan melindungi kakitangan di-Rumah² Sakit yang terlibat dengan berbagai² tuduhan dari orang ramai. Dan sampai bila-kah bangkai gajah dapat di-tutup dengan tudong saji? Ada lebeh baik kalau sudah di-ketahu² ada bangkai² yang boleh menimbulkan bahu yang busok ini di-ketepikan terus daripada merosakkan suasana tempat yang memang di-buat khas untuk merawat orang² yang memerlukan rawatan supaya mereka jadi sehat dengan segera.

Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, berbangkit dengan kejadian yang baharu di-Rumah Sakit di-Ibu Kota Kuala Lumpur berhubungan dengan sa-orang ibu yang kehilangan anak yang mati yang telah di-sebutkan oleh rakan saya sekejap tadi di-dalam rawatan

Rumah Sakit walau pun khabar-nya kubor anak itu

Mr Chairman: Perkara itu ta' usahlah sebutkan lagi. Perkara itu telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jitra. Sambongkan yang lain.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Baik, Tuan Pengerusi, tetapi perkara yang terjadi itu, Tuan Pengerusi, pernah juga telah berlaku di-Johor Bahru yang mana cherita²-nya hanya berbedza sadikit² sahaja. Apakah mesti selalu kita mendengar cherita² yang menyedehkan ini, sedangkan kejadian² yang di-lakukan oleh pekerja² rumah sakit yang berkenaan itu menjadi bebanan buruk yang di-tanggung oleh Kerajaan. Bila-kah lagi masa-nya Kementerian yang berkenaan sanggup menjalankan tindakan yang tegas dan berkesan terhadap perkara yang sumpama itu? Mungkin-kah memadai dengan nasihat² panduan dan pimpinan sahaja, sedangkan perkara yang tidak di-ingini terus berlaku di-mana² sahaja di-rumah sakit kita, di-klinik² dan rumah sakit Kerajaan?

Baharu² ini saya telah balek ka-Johor dan telah mendengar pula sungutan daripada orang ramai yang memerlukan pemeriksaan di-Rumah Sakit Besar di-sana, ia-itu tempat pemeriksaan khas sa-bagai Pegawai² Kerajaan khabar-nya doktor yang biasa berkhidmat di-situ telah berchuti panjang dan pengganti-nya kadang² doktor daripada wanita dan kadang² doktor laki². Kedua² ini tidak langsung mengambil berat menjalankan pemeriksaan yang sa-wajar nya kapada orang yang datang menjumpai-nya. Dia hanya bertanya, apa sakit? Dan terus menulis sa-keping kertas dan menyuroh si-sakit itu pergi mengambil ubat di-tempat yang di-tentukan, dan ada kala-nya doktor itu mengatakan orang² yang datang menjumpai-nya itu tidak sakit, tetapi di-beri-nya ubat. Jadi, boleh dikatakan hampir semua orang yang pergi mengambil ubat itu telah membuang ubat² tersebut apakala mereka sampai ka-rumah, kerana mereka takut entah² ta' kena dengan penyakit yang di-hidapi-nya kelak menjadikan merbahaya pula.

Kita tidak pula menyatakan yang doktor itu tidak pandai, menyesuaikan ubat² yang di-beri dengan penyakit² orang yang datang menjumpai-nya itu. Mungkin doktor² yang telah cukup pandai, atau pakar mengenai penyakit dengan tidak payah menyentuh atau memeriksa tuboh orang yang sakit itu; memadai dengan melihat muka-nya sahaja, barangkali dia sudah tahu apa penyakit yang di-hadapi oleh si-sakit itu, tetapi yang penting di-dalam hal ini ia-lah kesusahan orang ramai terhadap layanan rumah² sakit, atau kelinik² Kerajaan itu sa-makin kurang dan juga ubat² yang baik yang mungkin boleh menyembuhkan penyakit sa-sakit itu telah menjadi rezki burung di-sebabkan ketidakan ada-nya keperchayaan kapada lain² doktor tadi.

Di-dalam hal ini, siapa-kah yang rugi, kalau tidak Kerajaan, manakala yang untong ia-lah doktor² private, kerana orang² yang telah mengalehkan keperchayaan kapada doktor² yang memberi layanan yang betul² kapada mereka. Orang ramai juga bersungut kata-nya, "kita datang dari jauh susah payah membawa anak kita yang sakit dengan tambang kereta, atau bas, sampai di-klinik doktor kata anak kita tidak sakit, tetapi di-beri-nya ubat; baik-lah kita buang sahaja ubat ini, entah jadi rachun kapada anak kita".

Itu-lah yang kita dengar sa-tiap hari mengenai layanan kaki-tangan rumah sakit. Oleh kerana itu sampai-lah masa-nya bagi pehak Kementerian yang berkenaan menjalankan tindakan yang tegas sa-kurang-nya dapat meredakan kemarahan ra'ayat terhadap pentadbiran Kerajaan kita mengenai kawalan terhadap mereka² yang tidak bertanggung jawab dengan perkara yang di-lakukan di-rumah sakit itu.

Tuan Pengerusi, perkara yang serupa ini benar² berlaku bukan sahaja kapada orang awam, tetapi pada diri saya sendiri juga, Tuan Pengerusi, yang mana satu masa saya telah pergi ka-hospital, kerana membawa orang kawasan saya yang telah dapat sakit di-waktu malam. Bila pegawai ini melihat saya masok di-renong-nya saya

dengan muka yang marah, kebetulan ada sa-orang daripada-nya telah mem-bisikkan kapada beliau—Datin Fati-mah, M.P.—baharu-lah saya nampak wajah-nya manis dan memberi layanan yang baik kapada saya. Bagitu-lah chara-nya sa-bahagian daripada pe-kerja² yang melakukan kerja-nya di-rumah sakit. Mereka hanya mendapat keberatan kapada orang yang telah di-kenal dan di-ketahui-nya. Perkara ini ada-lah menjadi keberatan pada diri saya sendiri untuk mengenalkan diri saya pada satu² tempat yang saya temui.

Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka membayangkan kapada pehak Kemen-terian yang berkenaan supaya dapat mengadakan satu badan di-namakan Pelawat Bebas yang mana pelawat ini boleh datang melawat bila² masa sahaja suka, dan akan melakukan apa² yang berlaku dan melakukan apa² kerja di-rumah sakit kapada pehak yang ber-kenaan. Saya perchaya dengan chara bagini sahaja pekerja² rumah sakit akan berasa churiga dan bimbang kalau² segala² gerak-geri-nya itu ada di-perhatikan dan di-laporkan pada pehak yang berkenaan; walau pun saya ketahui masa-nya sudah sa-hingga sekarang ini pehak Kementerian sudah pun melantek orang² awam untuk men-jadi pelawat² di-hospital, tetapi lawatan yang di-lakukan sa-chara berterang² dan ta' mungkin mendapat laporan yang ta'menyenangkan hati, kerana orang² sakit tidak berani melaporkan apa² kesulitan di-sebabkan pelawat² yang telah melawat di-hospital itu di-iringi oleh pegawai² dan kaki-tangan hospital.

Tuan Pengerusi, akhir-nya sa-kali saya juga merayu kapada pehak Kementerian yang berkenaan supaya melaksanakan janji²-nya mengenai tingkatan gaji bidan² di-hospital.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya bangun menyong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan yang di-bentangkan di-hadapan kita pada pagi ini. Hanya ada dua tiga perkara yang saya suka memberi sedikit pandangan mudah²an akan mendapat pertimba-

ngan daripada Kementerian Kesihatan, ia-itu yang pertama-nya di-dalam muka 325, Pechahan-kepala 35, 36 dan 37—Pemberian kapada Badan² Sukarela, Pasokan St. John dan Palang Merah. Pasokan² yang sa-rupa ini, Tuan Pengerusi, saya fikir ada-lah sangat mustahak dapat kita galakkan di-dalam negara kita ini, dan pasokan yang sa-rupa ini ada-lah memberi satu latehan yang baik kapada ra'ayat negara ini untuk berkhidmat untuk memberi bakti kapada sama² manusia.

Saya suka mengeshorkan kapada Kementerian ini, Pasokan² St. John atau pun Palang Merah ini, kalau kita hendak menggalakkan supaya ra'ayat negeri ini lebeh ramai lagi dapat memasoki pasokan² sukarela yang sa-rupa ini, dapat-lah kira-nya Kemen-terian ini memberi satu keutamaan kapada pasokan² sukarela yang sa-rupa ini, apabila berkehendakkan sa-suatu pekerjaan di-dalam Kementerian ini; mithal-nya menjadi jururawat, atau pun menjadi bidan, patut sangat-lah pasokan² sukarela yang telah berkhidmat, kerana mereka ini, sa-lain daripada memberi derma bakti tenaga-nya sa-bagai sukarela, juga telah mendapat serba sedikit pelajaran dalam masa mereka² ini berkhidmat di-dalam pasokan sukarela.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, pasokan sukarela yang sa-rupa ini, saya fikir patut sangat kalau dapat kita beri peluang kapada mereka² ini bagi menyertai jema'ah² haji yang pergi ka-Mekah. Jadi, ini ada-lah merupakan satu perkara yang sangat baik, kerana sa-lain daripada mereka² ini dapat peluang menunaikan fardhu haji, juga mereka² ini akan dapat berkhidmat pada juma'ah² haji yang di-dalam perjalanan ka-Mekah, atau pun menu-naikan fardhu haji ka-Mekah yang kita sentiasa ma'alum dan kita sedia faham, bahawa rombongan² juma'ah haji ini kebanyakan daripada-nya kadang² di-dapati uzor, sama ada di-Mekah, di-'Arfah, di-Mina dan juga di-dalam perjalanan. Jadi dengan ada-nya kita menggalakkan chara yang sa-rupa ini, saya perchaya kita akan dapat bertambah² ramai lagi pasokan sukarela di-dalam negara kita ini.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu di-dalam muka 326 Pechahan-kepala 58—Ranchangan Kebangsaan bagi Mengawal Penyakit Tibi. Perkara ini kita tahu-lah, pada masa ini banyak orang² yang telah mendapat mengidap penyakit T.B. Satu perkara yang saya fikir mustahak Kementerian ini dapat menjalankan penyiasatan. Dengan adanya di-dalam bandar², kedai² kopi yang di-belakang-nya kita nampak pemain² majong yang telah menggunakan tempat ini—kadang² daripada pukul 6 petang hingga pukul 6 pagi, dan mereka ini tidak tidor sa-malam²an bermain judi, bermain majong ini. Ini saya rasa boleh jadi puncha daripada ini ada-lah satu puncha yang dapat membiakkan penyakit T.B. Jadi, dalam perkara ini, saya suka-lah mendapat tahu daripada Kementerian ini, sudah-kah perkara ini dapat di-jalankan untuk di-siasat sama ada benar² kumpulan majong yang tidak tidor sa-malama²an telah berludah merata² tempat ini membiakan penyakit T.B. atau pun tidak? Kalau sa-kira-nya ya. saya rasa patut sangat Kementerian ini dapat mengadakan satu undang² supaya kedai² kopi yang di-belakang-nya sentiasa di-gunakan untuk meja² majong ini kita haramkan, atau pun kita hadkan mereka² ini bermain pada masa yang di-tentukan.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya suka juga menyentuh kepada muka 323, ia-itu berkenaan Perkhidmatan Penchegah Malaria. Semalam saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan berhubung dengan malaria ini sedang bertambah², terutama sekali di-dalam kawasan² luar bandar. Jadi, perkara ini, saya berharap sangat-lah kepada Yang Berhormat Menteri, kapada kawasan² luar bandar ini patut sangat kita tumpukan perhatian bagaimana chara dan ikhtiar yang dapat di-buat oleh Kementerian ini bagi mencheegah malaria daripada merebak. Di-masa yang lampau, sa-panjang yang saya ketahu², ada-lah pencheegah² malaria ini kita dapati di-dalam bandar dan di-pekan² sahaja. Tetapi, di-dalam kawasan luar bandar, kalau Yang Berhormat Menteri sendiri telah berpendapat lebih banyak, dan lebih

merbahaya, dan lebih membiak lagi malaria ini, saya harap satu tindakan yang berkesan—insha Allah saya perchaya jawatan-kuasa² kampong yang ada di-dalam kawasan² luar bandar akan memberikan kerjasama dengan sa-penoh-nya, mudah²an penyakit yang merbahaya ini akan dapat di-elakkan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, di-dalam Muka 303, ia-itu, Butiran (100) berkenaan Latehan Jururawat dan termasuk bidan². Di-sini, sa-panjang yang saya tahu Kementerian ini mengambil jururawat² ini ia-lah kebanyakan daripada orang² yang telah mempunyai kelulusan Sijil Rendah dalam bahasa Inggeris. Di-sini suka-lah saya mendapatkan jasa baik daripada Kementerian ini supaya dapat berikhtiar dengan sa-daya upaya bagi menerima murid² yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah yang menggunakan bahasa Kebangsaan. Barangkali di-dalam perkara ini boleh jadi agak menyulitkan Kementerian ini di-sebabkan jurulatih atau pun buku² pelajaran ini banyak di-gunakan di-dalam bahasa Inggeris. Tetapi ini semua, saya perchaya dengan kebijaksanaan Kementerian ini, akan dapat di-atasi bagaimana juga Kementerian Pelajaran dapat mengatasi bagi memasokkan murid² menengah Sekolah Kebangsaan dalam Universiti. Jadi, saya rasa Kementerian ini juga akan dapat berikhtiar dengan sa-daya upaya bagi menerima murid² yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah di-dalam bahasa Kebangsaan. Kita dapat tahu, pada masa ini banyak daripada penduduk² atau pun murid² daripada luar bandar yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah dalam bahasa Kebangsaan ini apabila tidak berjaya untuk memasuki Sijil Persekutuan, maka mereka² ini akan dudok menganggor. Jadi oleh kerana itu, saya harap sangat-lah kalau ta' dapat di-buat dalam tahun ini, tetapi di-masa yang akan datang, dengan sa-daya upaya supaya dapat Kementerian ini memberi jasa baik dan berikhtiar supaya dapat di-beri Peluang murid² yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah di-dalam bahasa Kebangsaan ini di-terima menjadi jururawat.

Saya rasa itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya sokong peruntukan

Kementerian Kesihatan yang di-bentangkan ini. Terima kaseh.

Tuan Joseph David Manjaji (Sabah): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian untuk berbath sadikit berkenaan bekalan perbelanjaan untuk Kementerian Kesihatan dibawah S. 30 ini. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, jika silap saya, yang mana saya sudah melihat dari muka surat 297 sa-sampai-nya muka surat 327, tidaklah dapat peruntokan ya'ani bekalan² perbelanjaan untuk kesihatan tempatan saya Sabah ini. Tuan Pengerusi, banyak-lah perkara² perkhidmatan kesihatan di-Sabah yang saya akan hendak terangkan di-sini untuk di-minta mendapatkan perhatian oleh Kementerian atau Kerajaan Pusat ini. Akan tetapi nampak-nya tiada-lah kemungkinan, kerana saya nanti akan di-anggap menaik perahu yang tidak tahu kemana tuju-nya, Tuan Pengerusi, satu sahaja perkara yang saya ingin mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri itu, ia-itu ada-kah bekalan² perbelanjaan untuk kesihatan di-tempatan saya di-negeri Sabah itu tidak ada di-adakan pada tahun 1967 ini? Sekian-lah, itu sahaja, terima kaseh banyak.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh di-dalam perbekalan kepada Kementerian Kesihatan ini, dan terlebih dahulu saya menguchapkan tahniah kepada Menteri kita ini, kerana bukan sahaja dia Menteri Kesihatan, tetapi Menteri yang sehat. Apa yang saya hendak sebutkan ini ia-lah berkaitan dengan muka surat 324, ia-itu Perkhidmatan Kesihatan 'Umum. Perkhidmatan Kesihatan 'Umum ini suatu perkhidmatan yang mustahak sa-kali dan maha penting yang sekarang ini telah di-untokkan sa-banyak \$531,000 berbanding dengan tahun yang sudah sa-banyak \$501,000 sahaja. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan bagi kesihatan ra'ayat atau kesihatan 'umum ini menjadi perhatian berat kepada Kementerian ini. Apa yang saya hendak chadangkan kepada Menteri yang berkenaan ini, oleh kerana kesihatan 'umum ini ada-lah penting sa-kali, oleh kerana ra'ayat kita ini banyak dudok-

nya di-luar² bandar, maka perkhidmatan untuk ra'ayat di-luar bandar ini bukan sahaja untuk mengawal kechemasan wabak penyakit yang sa-kali² sahaja, tetapi juga yang mustahak-nya ia-lah memberi nasihat yang penting, kempen yang berlanjut kepada mereka² yang di-luar bandar itu, bagaimana kesihatan mereka dapat di-kawal dan dapat di-kekalkan. Jangan-lah, Tuan Pengerusi, terjadi sa-suatu yang tidak menyedapkan hati kita di-dalam perkhidmatan kesihatan ini di-seluruh negeri kita, walau pun Ahli² Yang Berhormat daripada Dewan ini telah menyebut beberapa kekechilan hati-nya tentang layanan yang di-berikan kepada ra'ayat kita di-luar bandar, atau pun ra'ayat kita di-dalam bandar, atau ra'ayat kita yang miskin.

Maka saya harap supaya Menteri itu tolong-lah ambil perhatian yang berat, jangan ada nanti orang memomokkan, jangan-lah pergi hospital, balek-lah kita ka-bomoh, kerana bomoh, pula chakap-nya elok, mulut manis, walau pun dia ambil sa-kupang dua, 10 sen 20 sen, walau pun dia jampi² sahaja dan ludah² kiri kanan, tetapi dia yakin dengan jampi² itu, nanti balek orang ka-sana. Apa yang kita hendak, biar-lah ra'ayat kita ini balek ka-hospital. Tetapi kalau sa-kira-nya layanan yang di-buat di-hospital itu menyakitkan perasaan, tentu-lah nanti orang akan meninggalkan hospital, wang yang banyak ini akan terbuang begitu sahaja sedangkan tujuan kita tidak sampai. Sebab ini, kursus akhlak ini patut di-buat bagi pegawai² yang menyelenggarakan hospital, yang menyelenggarakan kakitangan² di-hospital dan di-pusat² kesihatan dalam negeri kita ini, supaya mereka itu dapat melayan ra'ayat itu dengan baik-nya.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang menarek perhatian saya ia-lah tentang langkah² untuk mengawal penyakit malaria di-dalam kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dan begitu juga rasa-nya pengawalan tentang penyakit malaria ini pada seluruh tanah kita. Mengikut apa yang saya telah di-tunjukkan oleh Pengarah Penyelidikan Pusat Perubatan di-Kuala Lumpur ini, yang telah menunjukkan

angka² kematian, angka² ra'ayat kita di-luar bandar yang di-hinggapi oleh penyakit malaria ini sejak daripada dia di-lahirkan, sangat mendukacitakan sakali. Dan boleh-lah di-katakan penyakit malaria ini suatu penyakit, atau pun suatu pembunuh, yang paling besar sa-kali di-tanah ayer kita ini dan kalau tidak di-perangi dengan sa-sungguh-nya, bukan sahaja penduduk kita di-luar bandar, anak² kechil mati belum sampai umur besar, tetapi juga akan membunuh akal dan fikiran mereka itu dengan penyakit malaria ini, dan sampai-lah nanti kita menyatakan orang Melayu malas, orang Melayu tidak mahu buat kerja. Sa-benar-nya bukan kerana fasal tak buat kerja dan malas, tetapi di-kepala-nya telah hinggap penyakit malaria. Dan saya tengok angka² yang di-tunjukkan oleh Pengarah Penyelidikan Kesihatan di-Ibu Kota ini sangat mengejutkan dan menakutkan kita sendiri. Kalau dapat tiap² Ahli Yang Berhormat ini boleh melawat tempat Institute itu dan menengok angka² itu, dan kita nampak betul² bahawa penyakit malaria ini pembunuh yang paling besar, penganas yang paling besar, di-tanah ayer kita ini. Kerana itu saya minta kepada Menteri Yang Berhormat supaya langkah untuk menghapuskan penyakit malaria ini daripada berjangkit kepada anak² kita itu di-ambil langkah yang sa-bagai satu langkah yang dharurat yang mesti di-perangi dengan serta merta; kalau tidak kita punya generation nanti akan rosak dan akan musnah.

Tuan Pengerusi, saya pendek² sahaja hendak berchakap, di-atas Kepala S. 30 juga, muka 326, ia-itu Pechahan-kepala 52 Kelengkapan Ward dan Rumah Sakit. Saya rasa, bukan sahaja kita patut melengkap benda yang ada di-rumah sakit itu dengan katil² mithal-nya, untuk rawatan orang² sakit, tetapi juga oleh kerana kita kekurangan rumah sakit di-Tanah Melayu kita ini, di-kawasan luar bandar, sekarang ini kita buat pusat kesihatan dan kelinik dan sa-umpama-nya, maka tempat yang saperti itu buat sementara waktu patut di-adakan katil² bagi rawatan sementara kepada orang² yang di-serang oleh sa-suatu penyakit yang merbahaya atau mendapat kemalangan, mithal-nya saya

bagi satu chontoh dalam kawasan saya di-Kampung Gajah. Di-dalam kawasan Kampung Gajah itu hanya ada satu sahaja baru² ini kelinik yang di-buka, tetapi tempat itu tidak ada tempat untuk hendak menerima orang² sakit yang di-serang atau terkena penyakit dengan mendadak. Apa yang kita minta supaya kalau berlaku-lah sa-suatu kemalangan di-dalam kawasan itu? Kalau dia hendak hantar ka-Telok Anson—jauh, malam² motor boat tak ada; hendak naik motorkar, hendak naik kereta apa, dia jauh di-seberang sana pula. Apa yang mesti di-buat? Yang mesti di-buat ia-itu kita patut mengadakan tempat² sementara di-Kampung Gajah itu, untuk merawat orang² yang mendapat penyakit yang mendadak, sahingga dia dapat di-hantarkan ka-hospital yang berdekatan, ka-Telok Anson, mithal-nya atau ka-Batu Gajah, atau ka-Ipoh. Tetapi itu tak ada sekarang. Apa yang ada sekarang ini, sa-buah kereta yang telah di-untukkan oleh Kementerian ini di-situ, tetapi kereta itu pun kereta land rover—dan jalannya sudah elok di-sini, bukan macham dahulu lagi. Kalau land rover di-bagi di-situ hantar ka-Ipoh atau pun hantar ka-Kampung Gajah saya rasa tidak begitu munasabah, sebab land rover itu berlainan daripada kereta sakit yang lebih baik sedikit.

Sebab itu saya minta kepada semua kelinik² yang di-bena sekarang, supaya di-sediakan kurang² empat atau lima atau enam katil di-situ untuk merawat orang² yang saya sebutkan tadi. Dengan sa-chara yang demikian kita dapat memberikan pertolongan yang serta merta dan jangan-lah pula doktor datang ka-tempat itu dua minggu sekali—macham Kampung Gajah itu dua minggu atau 10 hari sekali dia datang ka-situ.

Kekurangan doktor ini terlalu-lah sudah lama kita rungutkan. Tuan Pengerusi, saya dengar khabar bahawa kita mendengar Yang Berhormat berchakap, bahawa doktor dari Korea, daripada Filipina akan di-panggil kamari. Saya ada jua menengok doktor² ini dan melayan dengan baik-nya kepada orang² penduduk luar bandar. Tetapi, Tuan Pengerusi, masalaah-nya,

masaalah bahasa. Sebab doktor² yang datang dari Korea ini bahasa Inggeris pun tidak bagitu, dan bahasa Melayu pun jauh sa-kali. Jadi dia main auta sahaja (*action*)—bagitu chara-nya. Jadi, susah hendak memahamkan—ini belahkah, sakit perut-kah. Jadi kalau di-buat bagini² di-bagi penyakit ubat lain, kawan ini “gol”. Jadi susah.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta-lah supaya doktor² yang hendak di-hantar ka-luar bandar ini biar-lah mengerti bahasa orang² yang di-luar bandar. Kalau dapat, chari-lah doktor² sekarang ini macham dari Indonesia, mithal-nya, walau pun Indonesia kurang doktor juga, tetapi yang Pengarah Penyelidikan Perubatan kita yang baharu balek dari Indonesia menyatakan bahawa pelajaran yang di-dapat oleh di-sekolah² kedokteran di-Indonesia itu tinggi mutu-nya. Dan kerana itu tidak ada satu halangan pun daripada mengambil orang itu menjadi doktor di-dalam negeri kita. Kalau Korea, kalau Formosa atau pun negeri² lain punya doktor² boleh kita bawa ka-Tanah Melayu ini, tidak mustahil kalau dari Indonesia juga kita boleh bawa. Satu contoh—baru² ini sa-orang doktor wanita dari Indonesia telah datang kamari berkhidmat dan dengan sukarela barangkali dan telah menjalankan kerja-nya dengan baik. Jadi kerana itu, saya menhadangkan supaya doktor² yang saperti itu, yang dapat memahami bahasa orang luar bandar, dapat di-ambil, terutama sa-kali dari Indonesia untuk menutup beberapa kekurangan.

Satu lagi, Pechahan-kepala 59, Kempen Menghapuskan Penyakit Puru. Penyakit puru ini tidak semua-nya dalam negeri kita ini, nampak-nya kena penyakit puru, sa-tengah² tempat sahaja ada penyakit puru ini. Di-kawasan saya bukan sahaja penyakit puru, tetapi juga penyakit untot. Puru ini dia tumbuh, untot ini dia gembong. Jadi kalau sa-kira-nya penyakit untot dan penyakit puru ini telah menghinggapi sa-bahagian daripada penduduk² kita, terutama sa-kali di-tepi² sungai, biasa-nya kerana meminum ayer tidak betul, agak-nya, maka saya harap—walau pun dalam kawasan saya itu sudah ada kempen yang baik dan Menteri Yang Berhormat

sudah menengok dan pernah renchana² penyelidekan tentang penyakit puru dan penyakit untot ini—Kementerian ini ada-lah ikhtiar yang lebeh pesat, lebeh kuat; tetapi saya tengok tambahan menghapuskan ini dapat kurang belanja-nya daripada \$92,000 kapada \$83,000 sahaja. Penyakit ini ia-lah penyakit yang kena kapada orang² yang susah yang kalau dia tidak sakit betul dia tidak pergi ka-hospital. Jadi, kerana itu, kita kena kempen betul² supaya penyakit puru ini jangan menghinggapi mereka.

Tuan Pengerusi, demikian-lah sahaja harapan saya kapada Menteri Yang Berhormat supaya dapat di-ambil perhatian. Dan akhir-nya saya minta supaya perkhidmatan itu dapat-lah diberikan dengan sa-baik²-nya kapada ra'ayat.

Dr Lim Chong Eu: Mr Chairman, Sir, some of the things that I am going to say I have said before in previous years, but they bear repeating. However, Sir, I want to touch on the subjects on page 300—Hospitals and Dispensaries, on page 323—Malarial provision page 315 also Malarial prevention page 325, sub-head, provision for the Snake Venom Institute and sub-head 34, Expenses for Teaching Hospital, University of Malaya and Special Expenditure in contribution, on page 326, sub-head 51, Medical Records and Equipment, page 327, Joint Sponsorship of Primary Examination for the F.R.A.C.S. in Singapore and expenses of part-time Medical Practitioners—Sub-head 68.

Sir, I would like to begin by taking cudgels with the Honourable Minister, because in introducing his budget, he referred to the fact that with the amendments to the Medical Registration Ordinance providing for the registration of doctors, things will become better. However, I believe, Sir, that the Ministry itself is aware that both the Medical Council as well as the Malayan Medical Association have since represented to the Ministry that further amendments must be made to those amendments in order to satisfy the feelings of the people already in the service. The complaints, I feel, Sir, are only two, namely, that

the provision of the three-year service qualification for doctors is not really completely satisfactory and I think that the Honourable Minister is aware of these details. Sir, on touching on this point, I refer in actual fact to an essential factor, that is how can the Government retain the services of its officers now in service. Government is caught in a very difficult position because, on the one hand, the more senior officers, whom Government had brought up and who have now gone abroad and come back and are now serving under consultant services, are not particularly happy over the situation. And I think there is still room for discussion and room for adjustment over the question of adjustment of consultation specialist fees. I hope, Sir, that the Government will do whatever it can to satisfy the aspirations of those who have worked for their specialist degrees, in order to retain the highest skilled members of the profession within the service; otherwise, there will be a flow of men, who have already achieved the highest standards, from the service itself into private practice and we will get a repetition of our difficulties in the past.

On the other hand Sir, I feel that there must be provision for the younger practitioners to have an opportunity to learn and to catch up and to advance in their own medical progress. I do not believe that most doctors just work for the fun of it or for the pay, but they do wish certainly to be able to advance themselves professionally and certainly to be able to continue their studies. Under those circumstances, Sir, I feel that the Government's failure to provide for an adequate vote for our own students to join this joint sponsorship of the Primary Examinations in the F.R.A.C.S. in Singapore, is an unfortunate thing. I mentioned this before last year—each year and on alternate years in Singapore under the Colombo Plan, the Australian Government sends specialist teams to train students for the F.R.A.C.S. and M.R.A.C.P. examinations. This is a good opportunity, and it is for us to get our younger doctors to get a chance to advance their studies, and it is unfortunate that Government has not availed itself in the past.

Sir, I also feel that the Government should allocate more grants for example, out of the 9 million dollars to the University and out of the Special Expenditure, to help the Academy of Medicine, which has been formed, and particularly also the Malayan Medical Association branches—who regularly entertain the Honourable Minister and advise him—and advance certain grants, say about ten thousand dollars a year, so that they can carry out refresher courses, whereby not only the practitioners in the country but also the younger doctors who are in service can learn from specialists who come to this country to conduct these special refresher courses.

Sir, I do not know what has happened to the snake venom research in Penang, but last year I indicated that the main pathologist, who was trained to follow up Dr Reid's work, is no longer continuing this particular research, and at the present moment the Snake Venom Research Unit is just a stand-by procedure, and this is one of the provisions, I think, the Ministry can almost practically either scrap out or put in under the Institute of Medical Research completely.

Sir, on the question of Medical Records Equipment, I only make a touching point on this, because the Minister gave an account of improvements of health and so on, and suggest that the records should show one particular aspect of our improvement—whether or not we have made improvement in the rate of infant wastage, that is to say not only the infant mortality, which takes up to one year but for wastage which takes up to five years, because the striking thing was that the First Asian Pediatric Congress meeting held in Malaysia in a report from Lady Thompson indicated in actual fact that infant wastage which takes up to five years is very high in Malaysia.

Sir, the Member for Batu has referred to the expenses provided for private medical Practitioners, and all I have to say is that, apart from the question of time, there must be adjustments made between the private practitioners, so that they can be put in into

jobs which are more fitting to them. It is, for example, absurd to put a senior man to take charge of an out-patient department and a junior man to run a sort of semi-specialist kind of job. Sir, that type of adjustment, I am sure, can be made if the Ministry co-ordinates work more closely with the Malayan Medical Association.

Lastly, Sir, just one point. I would like, in general, to sum up over this question of services. In Penang, for example, Sir, we would like to see the Ministry retain our specialists in Penang for a longer period and also build up a group whereby we can have the beginnings of a Medical Centre in Penang. Sir, an important point is the Psychiatric Unit in Penang. There is a great demand for psychiatric treatment not only in Penang but also in the north of Malaya. The Minister himself, for example, has allocated a Registrar to work under the specialist, so that he can be trained. However, the Registrar has now been taken away. So, we have gone back again to the old status, where we have a unit built up, with a man ready there to train other men, but not being made use of.

Sir, the last point is that of the provision for prevention of malaria. Many Members have touched on it, Sir. Last year on the austerity Budget, I complained that if the Government cut down on this provision of malaria prevention, we will meet a lot of trouble, and the Minister today has admitted it, and I fully support him, and I urge the Government as a whole to support the Minister of Health to give a greater allocation to eliminate malaria because, if we do not make a start to halt this growing danger of increased malaria infection, next year we will require not an arithmetic increase of our Budget but a geometrical increase in the Budget because the rate of production of malaria cannot be controlled by the Family Planning Association.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul empat petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Head S. 30—

Debate resumed.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka surat 325 Pechahan-kepala 27—Pengangkutan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya dengan sa-penoh-nya menyokong peruntokan bagi Kementerian Kesihatan dan saya dengan hati yang gembira menguchapkan sa-tinggi dan ribuan terima kaseh terhadap Kementerian dan Kerajaan yang mana telah mengadakan peruntokan Pengangkutan. Kita faham dengan ada-nya lawatan dari pegawai²-lah yang dapat menjayakan sa-barang ranchangan. Oleh kerana kita berkehendakkan kemajuan dalam bidang Ranchangan Negara ini supaya dapat di-laksanakan dengan sa-penoh-nya dan segera maka beberapa perkara pula-lah di-selesaikan. Di-antara-nya termasuk-lah perkara² lawatan pegawai² ka-kawasan² yang mana ini sangat² di-perlukan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini saya suka mengemukakan perkara² yang menjadi kelemahan kepada pegawai² dalam menjalankan tugas-nya ia-itu perkara menghaddock elau perjalanan melawat pegawai² itu dengan sa-benar²-nya. Saya perchaya, elau sa-banyak yang di-beri itu tiada-lah dapat mereka menjalankan tugas mereka dengan sa-penoh-nya, jika di-bandingkan dengan tambahan kerja² mereka dalam Ranchangan Kemajuan Negara sekarang ini. Maka sa-sunggoh-nya jika sa-kira-nya kita berkehendakkan kemajuan Ranchangan Kemajuan Pembangunan Negara ini berjalan dengan lebih sempurna dan segera maka masaalah Elau Perjalanan melawat oleh pegawai² itu jangan-lah hendak-nya

di-sekat dan di-hadkan seperti sekarang. Sudah sa-patut-nya Kerajaan menambahkan elaun perjalanan melawat mereka itu dengan menyesuaikan keadaan perjalanan dengan tugas-nya.

Tuan Pengerusi, saya boleh memberi satu contoh pada masa tahun 1965 seperti doktor² pakar² dia datang ka-daerah Kulim tetapi sampai masa tahun 1966 kerana tidak dapat elaun atau elaun batu, jadi, terpaksa-lah dia tidak datang. Doktor pakar itu seperti *eye specialist* atau lain² *specialist*. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di-fahamkan kalau tidak silap, elaun untuk Pegawai Kesihatan yang berjalan sejak dari dua puluh tahun yang lampau hingga-lah sekarang ini kita dapati belum ada apa² perubahan lagi. Sa-bagai Pegawai Kesihatan yang juga sa-bagai Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah, mereka perlu-lah sa-kali membuat lawatan² ka-kawasan di-luar bandar. Mereka perlu sa-kali untuk memperbaiki dan membaharui chara² hidup dan kedudukan penduduk di-luar bandar. Maka menjadi kepayahan kepada mereka itu hendak menjalankan tugas mereka dengan sa-penoh-nya, tambahan seperti di-kawasan Kulim dan Bandar Baharu sa-orang Pegawai Kesihatan menjalankan tugas-nya dua daerah, ia-itu pergi ka-daerah Kulim dan daerah Bandar Baharu. Maka keadaan yang demikian menjadi kewajipan-lah Kementerian itu menchari jalan dengan meminda peratoran² kepada apa² yang boleh mendatangkan kebaikan. Dan saya dengar dalam ucapan Menteri Kesihatan kelmarin Yang Berhormat Menteri berchakap dalam tambahan wad² baru di-Hospital Kulim, saya mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh.

Tuan Sulaiman bin Ali (Dungan):

Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²-kan serta menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan. Sementara itu saya suka juga menyen-toh atau berchakap dalam satu dua perkara kechil yang berupa rayuan dan juga suka menyampaikan satu dua perkara kechil yang berupa sungutan mudah²an mendapat perhatian dan pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kalau kita buka kapada muka surat 300 dan 301 di-sini kita dapat banyak jawatan²: doktor² pakar dan pada pendapatan saya doktor² pakar yang ada ini boleh di-anggap menyelurohi segala chabang² penyakit dan kesihatan yang terdapat dalam negara Malaysia kita, tetapi ada satu perkara, Tuan Pengerusi, yang saya rasa di-satengah² rumah² sakit di-negeri² terdapat kekurangan ia-itu dari segi penyakit patah. Apa yang saya tahu dan saya pernah lihat manakala ada sa-saorang mendapat kemalangan patah tangan, kaki dan sa-bagai-nya dia datang ka-hospital atau ka-rumah sakit kerana mendapat rawatan, maka rawatan yang pernah di-beri ia-lah dengan chara balut, bebat dengan simin, dan manakala sampai tempoh-nya bila tulang² itu telah baik, simin di-buka balek, maka di-dapati kalau tangan itu bengkok—bengkok-lah kalau tangan itu tidak betul—tidak betul-lah. Bagitu-lah keadaan-nya kesan² yang di-tinggalkan oleh penyakit patah hasil dari rawatan yang pernah di-beri oleh pehak rumah² sakit dan sa-bagai-nya.

Jadi, dengan keadaan yang seperti ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menchadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya tiap² rumah sakit patut-lah di-adakan sa-orang sa-kurang²-nya doktor patah kalau tidak ada pakar, yang boleh memberi rawatan yang sempurna dengan chara memasukkan tulang lebeh dahulu sebelum daripada di-simin, sa-bagaimana yang banyak di-lakukan oleh pehak mudin² di-kampong². Di-Trengganu mithal-nya, Tuan Pengerusi, kalau berlaku kemalangan patah dan sa-bagai-nya jarang sa-kali kita dapati orang² yang suka pergi ka-hospital untuk mendapat rawatan bahkan mereka lebeh suka pergi ka-kampong² kerana di-sana terdapat barangkali tukang² tulang—mudin, kata orang Trengganu—yang dapat memasukkan balek tulang² sa-bagaimana asal, dan manakala puleh keadaan-nya tidak-lah nampak bengkok atau benggang. Ini saya suka mengeshorkan kepada Menteri supaya dapat di-adakan sa-kurang²-nya sa-orang doktor patah di-rumah² sakit.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bidan. Dalam muka surat 304 dan juga 314 ada menyebutkan berkenaan dengan bidan² pelateh atau pun elaun kapada bidan² kampung. Tuan Pengerusi, semenjak Kerajaan Perikatan melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dengan mengadakan pusat² kesihatan, pusat² kesihatan kecil, kelinik² bidan di-rata² kampung, maka sambutan yang di-berikan oleh pehak orang² kampung terhadap perubatan di-rumah² sakit Kerajaan telah melompat. Jadi dengan sebab keadaan ini kalau di-dapati perkhidmatan² yang di-sediakan oleh pehak pejabat kesihatan tidak dapat memuaskan atau tidak menchukupi, maka timbul-lah rasa tidak puas hati dan sungutan dari orang² kampung khas-nya dari segi bidan.

Di-Trengganu, mithal-nya di-tempat² yang di-adakan oleh pehak Kerajaan kelinik² bidan atau pusat² kesihatan kecil, ada-lah jauh daripada satu kampung ka-satu kampung dan ini menyebabkan kesukaran besar kapada orang² kampung, khas-nya, ibu kampung untuk mendapat rawatan dan pemeriksaan daripada kelinik atau pusat² kesihatan. Saya sendiri banyak menerima permintaan supaya kalau boleh pehak Kementerian Kesihatan dapat menimbangkan menerima anak² muda atau pun janda² muda di-kampung² yang bersekolah yang tahu menulis, membaca, supaya mereka ini di-beri peluang kemudahan untuk berlateh, belajar di-rumah² sakit sa-bagai menjadi bidan² kampung. Mereka ini sa-tengah daripada perempuan² kampung yang berjumpa saya ini mereka tidak sangat menekan kapada bayaran² atau imbohan², tetapi mereka lebeh suka kalau dapat berkhidmat kapada ibu² di-kampung² dan dapat juga memberi pertolongan kapada pehak Kerajaan dalam lapangan kesihatan dan perubatan. Jadi, mereka merayu-lah kalau boleh di-rumah² sakit di-tiap² negeri, patut-lah di-adakan satu cabang—chabang yang boleh melateh anak² muda, janda² muda datang ka-hospital untuk berlateh sa-bagai menjadi bidan² kampung yang hanya barangkali kita dapat timbangan imbohan²-nya kalau mereka itu dapat

merawati beberapa orang dalam satu² kampung. Jadi ini juga saya suka-lah merayu kapada Yang Berhormat Menteri kalau dapat menimbangkan keadaan yang saperti ini.

Perkara yang ketiga ia-lah berkenaan hal penyelidekan di-muka surat 309—Pusat Penyelidekan. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, pehak Menteri kita telah menerangkan bahawa pehak Pusat Penyelidekan ini telah menjalankan penyelidekan dan kajian khas-nya mengenai penyakit dan perubatan, tetapi saya sendiri tidak berapa tahu dan tidak faham ada-kah Pusat² Penyelidekan ini juga di-tugaskan untuk menjalankan penyelidekan daripada jenis² atau bahan² yang ada dalam negeri ini dengan tujuan hendak di-jadikan ubat, kerana kita tahu barangkali kita sendiri, pehak Kementerian Kesihatan sendiri, terpaksa membelanjakan barangkali berjuta ringgit untuk mengadakan ubat, membeli ubat dari luar negeri. Maka kalau pehak Pusat Penyelidekan ini dapat menumpukan sedikit tenaga, dapat menchurahkan sedikit belanja, dapat melipatgandakan sedikit usaha dalam menyelideki atau membuat penyelidekan bahan² tumbuh²an, tanam²an isi²an dan galian yang ada dalam negeri ini dengan tujuan hendak di-jadikan ubat, maka saya rasa ini akan dapat memberi pertolongan yang besar dari segi kewangan dan dari segi lain² kemudahan dalam negara kita ini.

Sebab saya tahu barangkali segala ubat² di-mana sa-kali pun di-gunakan—saya bukan sa-orang doktor-lah—tetapi semua ubat² yang di-gunakan dalam dunia ini datang-nya daripada pokok² dan dari dalam bumi. Itu sahaja ubat² yang di-buat untuk jadi ubat—tidak datang daripada langit saya rasa. Jadi dengan sebab itu saya rasa negara kita ini, Malaysia ini, tidak kurang daripada bahan² yang boleh di-jadikan ubat dan bahan² yang di-dapati dalam negara Malaysia kita ini lebeh sesuai dan lebeh sa-chuchok dengan penyakit² yang terdapat dalam negara Malaysia ini sendiri. Maka ini juga saya merayu dan saya minta-lah, kalau boleh, kapada pehak Yang Berhormat Menteri kita supaya membuat satu—kalau belum

ada-lah—tolong chuba usaha sedikit supaya dapat Pusat Penyelidikan ini menumpukan masa dan tenaga-nya dalam lapangan penyelidikan ubat² dari bahan² dalam negeri sendiri.

Perkara yang terakhir, saya suka menyampaikan sedikit sungutan yang pernah di-sampaikan kepada saya oleh orang² dalam kawasan saya untuk dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau State Medical Officer, kalau Pegawai² Perubatan Negeri atau sa-siapa juga yang bertanggung-jawab dalam negeri yang mempunyai isteri yang juga jadi doktor dan kebetulan pula ada anak² kecil, maka saya minta-lah daripada pehak Kementerian ini, kalau boleh, tolong-lah nasihatkan kepada doktor seperti ini dan juga isteri-nya jadi doktor juga supaya kalau boleh, biar-lah tolong pakai orang gaji supaya pemeliharaan anak² ini tidak mengendalakan dengan tugas²-nya di-pejabat. Kerana saya tahu ada sa-orang doktor dan isteri-nya juga sa-orang doktor, pukul 8.30 doktor laki² pergi ka-hospital, pukul 9.15 balek, isteri-nya doktor pergi pukul 9.30 kerana doktor laki² tadi telah balek jaga anak, si-bini doktor ini pergi pukul 9.30 laki duduk di-rumah tunggu anak, pukul 11.00 si-isteri doktor balek jaga anak, si-laki² pergi ka-hospital. Jadi bagini-lah bergeler². Maka dengan keadaan² seperti ini amat merugikan dan merosakkan nama baik dari segi pejabat kesihatan. Perkara ini berlaku.

Perkara yang kedua yang saya suka sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri satu discipline yang ketat patut di-beri atau pun arahan² yang ketat patut di-beri kepada semua pegawai² kesihatan yang bertugas ia-itu dalam masa membuat pemeriksaan sama ada mereka Health Assistant, Pembantu Rumah Sakit-kah dan sa-bagai-nya yang di-tugaskan menjaga satu² pusat kesihatan kecil mithal-nya, di-dalam masa di-jalankan tugas, dalam masa memeriksa orang² sakit, dalam masa menentukan ubat² apa yang patut di-beri kepada sa-saorang yang sakit, maka hendak-lah orang² ini sentiasa berada di-dalam keadaan siuman biar-lah sentiasa sober, jangan pening², jangan tidak sehat fikiran-nya. Tolong-

lah beri nasehat kerana kejadian yang seperti ini ada berlaku dan di-lakukan sudah tuang, lepas itu barangkali masuk orang mari pereksa—lain sakit lain ubat-nya di-beri, tetapi mujor juga barangkali tukang yang banchoh ubat—tukang bagi ubat ini—tahu apa jenis penyakit di-tukar-nya prescription yang di-beri itu di-beri ubat lain. Jadi, saya bimbang, Tuan Pengerusi, kalau perkara² ini berlaku berpanjangan, ini boleh jadi mati perkara yang sa-macam ini. Perkara yang seperti ini saya harapkan, Tuan Pengerusi, pehak Yang Berhormat Menteri tolong beri arahan dan ingatan kepada siapa² juga yang berkenaan, saya tidak suka-lah sebutkan siapa orang²-nya.

Tuan Ng Fah Yam (Batu Gajah):

Mr Chairman, Sir, I thank you for giving me the chance to say a few words on the Ministry of Health. Sir, I give my full support to these estimates.

Mr Chairman, Sir, I would now refer to Head S. 30, page 324, Sub-head 11 (4) *Penyenggaraan Kawasan*. Sir, during one of my visits to the Batu Gajah District Hospital recently, it was brought to my attention that stray cattle and goats from the neighbouring village were seen in the compound of the First Class Ward, the Maternity Ward and the Children's Ward. This has been a constant nuisance to the area concerned and also gives rise to an extra burden to the hospital staff trying in vain to drive the cattle away. The excretions from the cattle and goats cause the place to be so dirty and unsightly contrary to the rules of health and hygiene. Sir, effective check to this nuisance could be easily carried out by the construction of proper fencing around the area above mentioned. As a matter of fact, the proposed fencing is also very essential to serve as a means of security and for checking the admission of undesirable and unauthorised people into the Wards outside regular visiting hours. It would not be out of place for me to mention here that the Second Class and Third Class Wards in another sector of the hospital compound have already been provided with proper chainlink fencing. I would, therefore, urge the Honourable Minister concerned

to look into this matter and to kindly provide the fencing which is so badly needed in the First Class Ward sector at an early date.

Secondly, I wish to touch on Head S. 30, page 326, Sub-head 52, Ward and Hospital Equipment. Sir, the Children's Ward of the Batu Gajah Hospital, which is a comparatively new building, is greatly handicapped from the want of a suitable and adequate washing machine—an adequate washing room equipped with dry air facilities. During the rainy days it was often found that the children's clothing and napkins could not be dry-washed quickly. As a result of this, the children concerned had very often to bear with the inconvenience and discomfort of putting on damp clothes which is detrimental to their health. It is felt that if a well-equipped washing room is provided for this Ward the general wellbeing of the inmates there could be better looked after. Under these circumstances, I appeal to the Honourable Minister concerned to help the children there with a washing room with dry air facilities soon.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit membahath perbelanjaan untuk Kementerian Kesihatan. Saya ingin-lah menguchapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di-atas kejayaan² yang telah pun di-laksanakan dan juga perbelanjaan yang di-untokkan bagi tahun ini. Saya telah pun mendengar ucapan Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa pada tahun ini sa-ramai 1,773 kakitangan² Kerajaan bagi Rumah Sakit dan juga Kesihatan akan di-ambil. Mengenai Pegawai Perubatan yang ada sekarang ini saya lihat lebeh kurang; muka 301 Butiran (62) 370 orang, dan Butiran (71) Doctor Pelateh 110 orang jadi jumlah 480 orang yang akan di-ambil baharu yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri ia-lah sa-ramai 18 orang.

Apa yang saya ingin menegorkan kepada Yang Berhormat Menteri ia-lah mengenai pembahagian Pegawai² Perubatan ia-itu Doctor. Pada pendapat

saya sangat-lah tidak adil mengikut keadaan yang ada sekarang ini, kerana di-Rumah² Sakit Besar dapat layanan istimewa walhal Rumah Sakit yang kechil tidak dapat layanan yang sa-adilnya. Saya dapat tahu pada tahun yang lalu pun saya telah menegor perkara ini tetapi nampak-nya tidak ada langkah yang di-ambil untuk membaiki kedudukan pembahagian Doctor, juga pegawai² yang lain.

Di-Kuala Lumpur ini saya mendapat tahu ada sa-ramai 90 orang Pegawai Perubatan dan ada 30 orang pakar² Perubatan—Specialist, jadi jumlah 120 orang Pegawai Perubatan di-General Hospital Kuala Lumpur. Jadi, kalau di-bandingkan dengan Rumah² Sakit yang lain sangat tidak adil. Oleh yang demikian saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengadakan satu dasar, dasar pembahagian pegawai² ada-lah di-dasarkan di-atas berapa banyak katil yang ada di-Rumah Sakit itu dan berapa banyak orang² yang datang hendak mengambil ubat di-tempat itu.

Jadi, dengan chara yang sa-macam ini dapat-lah di-beri layanan yang saksama sama ada mereka tinggal di-dalam bandar, atau pun di-luar bandar. Jadi, saya berharap-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini, jangan-lah melonggokkan pegawai² perubatan dengan specialist²-nya di-Ibu² Negeri, atau pun di-Ibu Kota ini sahaja. Jadi, dengan sa-chara kita bahagi adil dapat-lah orang² yang di-luar bandar pula layanan daripada pakar². Saya tidak tahu-lah sampai 30 orang specialist dudok di-General Hospital di-Kuala Lumpur ini apa-kah penyakit² yang mereka jadi specialist? Jadi, saya pun hairan. Saya juga sa-orang bekas pegawai Pembantu Rumah Sakit, saya tahu benar di-atas perkara ini pada masa saya berkhidmat dahulu tidak begitu ramai specialist² ini.

Lagi pula mengenai specialist² ini, saya berharap supaya di-adakan satu kawalan dengan memberi elaun yang tetap bagi pegawai², atau pakar² ini supaya dapat orang² yang tidak ada mampu pun dapat layanan daripada specialist². Nampak-nya orang² yang

dapat peluang di-pereksa oleh specialist ini ia-lah orang² yang ada mempunyai wang. Jadi, kalau Kerajaan sendiri memberi elaun yang tetap kepada specialist ini sama ada orang miskin, sama ada orang kaya, sama ada orang ada wang, atau tidak ada wang dapat layanan daripada specialist² ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian atas perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya nampak jururawat akan di-ambil sa-ramai 771 orang. Jadi, saya manakala melawat di-hospital Kuala Lumpur ini, saya lihat jururawat ini dengan Penolong Jururawat macham anak ayam. Saya lihat boleh di-katakan tiap² ward ada sa-orang penyelia jururawat—Sister. Ward itu ada 40 katil-nya, jadi saya pun hairan, kerana apa mustahak-nya di-adakan penyelia begitu punya banyak. 40 katil di-adakan sa-orang penyelia. Pada masa saya berkhidmat dahulu di-General Hospital Pulau Pinang, katil²-nya ada dekat 600 chuma empat orang atau 5 orang penyelia seluruh Rumah Sakit Besar itu, tetapi nampak-nya jawatan penyelia ini terlampau banyak, menjadi sa-bagai tandil. Jadi, apa-kah guna-nya kita adakan tandil² terlampau banyak, baik kita potongkan sedikit jawatan tandil yang berdivision II ini, Tuan Pengerusi, bukan kata koman-nya tingkatan—Division II. Jadi, patut-lah kita menjimatkan sedikit perbelanjaan dengan mengambil orang yang boleh menyumbangkan tenaga mereka itu, bukan menjadi sa-bagai tandil. Ada pegawai² atau jururawat yang berkhidmat dengan bersunggoh²—ini saya junjong tinggi, tetapi ada sa-tengah-nya berkhidmat chuma mengarahkan sana, mengarahkan sini, dengan tidak ada ketentuan kerja-nya. Saya berharap akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri di-atas perkara ini supaya dapat kita membaiki kedudukan kakitangan pekerja² di-rumah sakit.

Yang ketiga ia-lah mengenai Pembantu Rumah Sakit. Saya mengalu²kan ia-itu pengambilan sa-ramai 180 orang Pembantu Rumah Sakit yang saya anggap yang terbanyak sa-kali bagi tahun ini. Baharu-lah pehak Kementerian ini berasa sedar bagaimana perlu dan

penting-nya jawatan Pembantu Rumah Sakit ini, kerana saya tahu sendiri pada masa dahulu, oleh kerana pehak penjajah menjadi sa-bagai orang yang sangat tidak bersetuju dengan Pembantu Rumah Sakit ini, dia hendak masokkan satu jawatan Male Nurse. Jadi, pehak kesatuan telah membangkang dengan keras-nya, maka hidup-lah Pembantu Rumah Sakit ini. Jadi, pada masa dahulu Pembantu Rumah Sakit dan sekarang juga saya dapat tahu di-beri latehan di-atas segala jurusan. Jadi, mereka ini dapat berkhidmat dalam apa juga jurusan yang di-kehendaki. Jikalau mereka ini di-kehendaki berkhidmat sa-bagai Pembanchoh Ubat (Dispenser) mereka telah ada latehan, sa-bagai sa-orang jururawat mereka telah pun ada latehan, sa-bagai sa-orang Penolong Makmal—Laboratory Assistant—mereka dapat juga buat kerja dan sa-bagai-nya.

Jadi, saya harap Kementerian ini memikirkan sa-mula di-atas jawatan yang sangat penting yang telah pun memberi kerja dan juga perkhidmatan yang chukup memuaskan sa-masa penjajah dahulu. Jadi, patut-lah ditambah lagi Pembantu Rumah Sakit ini dan ta' payah-lah pehak Kementerian mengambil kaki-tangan sa-bagai Pembanchoh Ubat dan juga Penolong Makmal, kerana orang ini chuma tahu banchoh ubat, tahu tengok microscope dan lain² lagi. Jadi, dia ta' boleh buat kerja yang lain, Jadi, ini satu perkara yang merugikan.

Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji perkara ini supaya di-rentikan pengambilan kakitangan mengenai Penolong Makmal juga Pembanchoh Ubat—ta' mustahak, kerana Pembantu Rumah Sakit dapat menjalankan kerja² yang di-buat oleh mereka itu.

Di-Rumah² Sakit Besar—itu saya harap—saya anggap patut sangat di-adakan satu tempat khas bagi Pembanchoh Ubat, juga bagi Penolong Makmal, tetapi Rumah² Sakit Kechil ini ta' payah-lah di-hantar mereka pergi ka-sana, kerana Pembantu Rumah Sakit atau Hospital Assistant

boleh menjalankan tugas besar bergilir dan dengan sempurna. Kalau hendak mogok pun, ta' payah-lah ada dapat kesusahan, kerana Hospital Assistant boleh menjalankan kerja² mereka ini dengan tidak payah memberi satu kesusahan yang besar kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan di-atas peruntukan sa-banyak \$118 juta sa-lama 10 tahun untuk menghapuskan penyakit malaria dan saya harap ranchangan ini akan berjalan dengan baik-nya, sunggoh pun ada ura² berkenaan dengan ranchangan ini, tiap² tahun saya dengar, tetapi saya harap dengan ada-nya peruntukan pada tahun ini akan di-laksanakan dengan sa-berapa boleh dan chuba segera yang boleh, kerana saya tahu satu ranchangan menchegeh penyakit untut, khas-nya di-kawasan saya, telah berjalan dengan baik dan memuaskan dan penyakit itu dapat di-kawal pada masa sekarang ini. Dahulu-nya penyakit itu telah pun merebak di-kampung² dan menyebabkan ramai orang² mendapat penyakit yang sa-macham itu. Jadi, saya harap dengan sa-chara ranchangan ini, dapat-lah penyakit malaria ini di-hapuskan.

Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa beberapa bangunan baharu, ia-itu rumah sakit, akan di-adakan. Jadi, peruntukan bagi bangunan² baharu ini saya dapati sa-tengah²-nya melebehi daripada yang sa-patut. Saya mendapat tahu sa-buah rumah sakit di-Kuala Langat, kalau ta' silap saya, kalau silap tolong bagi keterangan—katil ada 40 sahaja. Peruntukan di-buat sa-banyak \$2 juta. Jadi, saya perchaya perkara ini ada-lah lebeh daripada yang patut. Oleh itu saya berharap untuk menjimatkan wang bagi membena rumah² sakit ini, biar-lah rumah² sakit itu berkeadaan yang boleh tahan lama, tetapi jangan-lah menggunakan wang untuk buat elok dan chantek² dengan chara mosaic floor dengan sa-chara glass, dengan chara formica-top dengan chara yang menunjok² yang ta' patut. Jadi, saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri akan menasehatkan Pegawai Peranchang-nya supaya men-

jimatkan wang supaya dapat di-belanjakan untuk bangunan² yang mustahak di-tempat² yang lain.

Tuan Pengerusi, mengenai kekurangan doktor ini, sudah pun di-chakapkan dan saya berharap-lah supaya yang mula sa-kali ia-lah fair distribution (pembahagian)—sa-kiranya ada lagi kekurangan, baharu-lah di-tawarkan kepada orang² dari luar datang ka-negara kita ini. Itu pun kita kena-lah berwaspada kerana orang yang luar datang ka-negara kita ini, bukan sahaja untuk berkhidmat, barangkali ada perkara² yang lain yang kita mesti awasi. Saya perchaya ini satu perkara yang mustahak, dan saya harap jangan-lah di-beri peluang kepada mereka itu tinggal di-sini sabagai private practitioners. Jadi, sabagaimana dahulu kita telah mengambil beberapa banyak doktor² daripada India dan lain²—sa-sudah mereka itu berkhidmat sa-lama tiga tahun, kemudian kita bagi pula lesen untuk mereka menjadi private practitioners dan membuat perniagaan sendiri dan mereka tidak mahu berkhidmat dengan Kerajaan lagi. Jadi, itu perkara yang sangat ta' patut dan saya berharap mendapat perhatian daripada Menteri Yang Berhormat.

Saya merasa sangat-lah dukachitanya mengenai laporan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri, ia-itu sa-ramai 864 orang doktor² private yang ada dalam negara kita ini, chuma 12 orang sahaja yang menyambut seruan daripada Menteri untuk bekerja sambilan di-rumah² sakit menampungkan kekurangan doktor kita. Ini ada-lah satu perkara yang sangat kechewa. Saya tahu doktor ini, sa-belum mereka lulus, sa-belum mereka mendapat ijazah—waktu hendak di-anugraahkan atau di-berikan ijazah, mereka telah pun bersumpah, berikrar akan bekerja untuk faedah orang sakit dengan tidak menghiraukan kepentingan diri masing², dengan tidak menghiraukan jalan² untuk menyenangkan hati-nya, atau menghiborkan hati-nya, bahkan hanya sa-nya untuk orang sakit. Tetapi, malang-nya doktor² private yang ada dalam negara kita ini tidak pun tampil

ka-hadapan untuk menyumbang tenaga mereka itu supaya menampungkan kekurangan doktor.

Saya berharap-lah doktor baik, juru-rawat baik, walau orang apa juga yang berkaitan dengan kesehatan dan perubatan ini, walau apa jadi pun, tolong-lah ingat sa-mula masa mereka hendak menerima izajah itu, mereka telah pun bersumpah dan berikrar. Dan kalau mereka telah pun ingat di-atas perkara itu, saya perchaya dengan mudah sahaja kita dapat memperbaiki kedudukan kekurangan doktor dalam negeri kita ini. Kita sa-bagai warga-negara—saya sendiri berasa malu, Tuan Pengerusi, kerana beberapa banyak orang² yang berkhidmat dengan suka-rela, ia-itu mengenai Peace Corps, Volunteer Corps daripada Commonwealth yang rela meninggalkan negeri mereka itu sa-jauh 8,000 batu, sampai 12,000 batu, rela datang berkhidmat menolong negara kita yang muda ini, memimpin kita, melayan orang kita sendiri, malangnya orang kita sendiri tidak mahu datang tampil ka-hadapan untuk memberi layanan yang sa-patut-nya kepada bangsa kita dan warga-negara. Ini ada-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan dan saya harap pehak² doktor ini sedar dan insaf kerana kalau ta' ada negara ini mereka tidak dapat membuat duit, kalau ta' ada Kementerian Kesihatan untuk mengembangkan pengetahuan kesehatan, siapa pun ta' akan datang kepada doktor. Jadi, kena-lah tolong kepada Kerajaan kita.

Mr Chairman: Tolong rengkas²-kan—sebab saya hendak tutup perbahathan ini deras. Rengkas²kan sedikit.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: Ya, Tuan Pengerusi, saya rengkaskan. Dan mengenai doktor² yang ta' mahu pergi berkhidmat keluar bandar, saya ingat Yang Berhormat Menteri akan adakan satu peratoran supaya doktor ini mesti berkhidmat di-luar bandar dengan sa-chara bergilir²—sa-chara tiga tahun satu rotation, satu masa, supaya dapat-lah mereka itu pergi

keluar bandar dan tidak-lah mereka bertumpu di-dalam bandar sahaja.

Tuan Pengerusi, akhir-nya saya berharap supaya Kementerian ini akan mengadakan satu ranchangan—ranchangan pelajaran kesehatan (health education) melalui radio dan talivishen. Jadi, ini ada-lah satu medium akan memberi penoh kesan kepada pendengar² radio juga yang melihat talivishen. Bagaimana yang di-per-tun²okkan sekarang ini, ia-itu satu ranchangan Doctor Kildare—jadi itu ia-lah untuk orang² professional sa-bagai doktor dan jururawat sahaja, tetapi untuk orang ramai tidak ada dapat mereka itu pelajaran. Saya berharap Kementerian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Talivishen dan Radio supaya dapat filem² daripada World Health Organisation, daripada USIS dan di-tun²okkan tiap² minggu filem² mengenai penyakit² yang berjangkit, filem² yang mengenai chara² menjauhi daripada mendapat penyakit² yang merebak atau yang berjangkit. Ini satu perkara yang sangat mustahak, dan saya harap dengan chara ini dapat kita beri pelajaran kesehatan kepada sakalian penduduk² negara kita, mudahan² dapat mengelakkan daripada banyak-nya berlaku orang sakit dan mati.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam perbahathan berkenaan dengan peruntokan bagi Kementerian Kesihatan ini. Pertama sa-kali, saya ingin mengalu²kan Kementerian Kesihatan kerana membuat peruntokan yang chukup besar untuk mengawal kesehatan penduduk² di-negara kita ini.

Saya ingin menegor sedikit berkenaan dengan "work to rule" yang dibuat oleh Radiographers dan juga Dispensers di-dalam negara kita ini, yang mana telah pun di-buat tegoran oleh Yang Berhormat Ahli dari Ipoh dan Yang Berhormat Ahli dari Bungsar. Saya ta' akan mengatakan siapa-kah yang salah, tetapi apa yang saya ingin mengemukakan kepada Dewan ia-lah berkenaan dengan dua

perkara yang saya fikir patut-lah Dewan dan Kementerian timbang ada-kah baik perkara ini terjadi. Satu daripada-nya ia-lah berkenaan dengan sa-orang pemuda China yang telah dapat kemalangan di-dalam satu accident di-Pulau Pinang dua tahun dahulu dan pemuda ini tidak dapat di-ambil X-ray-nya dengan kerana work-to-rule dan pemuda ini, pada masa sekarang ini maseh lagi tidak sedar sungguh pun maseh hidup, tetapi tidak sedar dan dia tidak kenal dengan siapa sa-kali pun, walau pun adek beradek-nya sendiri. Jadi, keadaan yang sa-macham ini, saya tidak tahu-lah siapa yang salah. Tetapi malang-nya pemuda ini sekarang ini hidup sa-umpama pokok kayu sahaja, ia-itu tidak tahu apa yang jadi sekeliling-nya.

Perkara yang kedua ada-lah berkenaan dengan sa-orang yang dekat kapada saya yang baharu² ini telah dapat sakit berdarah di-dalam perut, tengah malam dan di-bawa ka-Hospital, dan doktor di-hospital sa-lepas diagnosis-nya telah berkata patut-lah di-berikan tambahan darah, tetapi malang-nya pekerja² dalam hospital maseh work-to-rule dan mereka enggan membuat grouping dan cross matching yang di-kehendaki sa-belum kita menambah darah. Dan terpaksa-lah doktor sendiri membuat kerja ini, dan dengan kerana ini bukan-lah kerja biasa bagi doktor, sungguh pun mereka erti ini telah memakan masa yang panjang, sa-hingga tiga jam baharu-lah dapat di-tambah darah kapada orang yang sakit tadi. Akhirnya orang yang sakit ini telah mati. Saya tidak mengatakan di-sini bahawa kematian-nya di-sebabkan kelambatan memberi darah. Tetapi kalau boleh jadi ada orang² yang bagini juga yang telah lambat di-beri darah dan kematian-nya boleh di-sebabkan kerana kelambatan ini.

Jadi ada-kah baik perkara ini terjadi dan siapa-kah salah, saya tinggal-lah kapada Kementerian dan kapada orang² ramai dan juga Ahli² Yang Berhormat menimbangkan.

Satu lagi perkara yang telah saya keluarkan di-dalam Dewan ini juga

pada tahun² yang lepas, ia-lah berkenaan dengan doktor² palsu yang semakin lama sa-makin bertambah. Dari masa yang saya telah berchakap di-dalam Dewan ini pada tahun sudah sa-hingga sekarang bukan berkurangan doktor² ini tetapi bertambah. Dan baharu² ini saya dapati bahawa sa-orang driver Van kedai Ubat telah bersara, dengan kerana ia dapati lebeh baik lagi dia bekerja sa-bagai doktor. Dan dia telah buka satu klinik di-dalam kawasan saya, ia-itu Kota Star Selatan, dan saya di-beri tahu bahawa perkhidmatan-nya sangatlah memuaskan kapada orang² kampung sa-hingga banyak mendapat patient², sa-hingga sa-tengah patient saya sendiri pun saya fikir telah pergi kapada-nya. Kalau ini mendatangkan faedah kapada ra'ayat tak payah-lah kita mengambil tindakan apa². Tetapi kalau-lah Kementerian berasa perkara ini tak patut terjadi, patut-lah kita mengambil tindakan, supaya perkara² yang sa-macham ini tidak terjadi lagi. Kalau kita kurang ada undang² untuk menchegeh kejadian yang sa-macham ini, saya rasa masa telah tiba supaya Kementerian berunding dengan Peguam Negara, supaya kita adakan undang² yang boleh menchegeh orang² ini daripada berlagak sa-bagai doktor dan menipu orang ramai.

Sa-lain daripada itu saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan ubat² yang di-dalam poison schedule, yang pada masa sekarang ini boleh di-beli di-mana² kedai ubat, kedai Sin Seh. Dengan kerana ubat itu senang di-beli, sekarang ini bomoh² di-kampung juga buat prescription. Umpama-nya untuk kudis di-prescribikan pennisilin tablet dan orang² ini sa-lepas dapat prescription daripada bomoh² kampung, pergi ka-kedai Sin Seh dan membeli pennisilin tablet dengan harga yang boleh di-katakan 10 atau 20 kali ganda harga-nya dan dengan kerana harga-nya terlampau mahal, selalu-lah ubat yang di-makan oleh orang ini kurang. Dan dengan kerana kekurangan ubat ini, kudis itu bukan beransor baik, tetapi kuman itu boleh melawan ubat yang di-beri, sa-hingga pada masa yang

kemudian, tentu-lah kalau kita memberi ubat pennicilin ini kepada orang yang mendapat penyakit yang samacham ini, tidak akan mendatangkan faedah sama sa-kali.

Perkara ini juga terjadi di-Padang Besar, di-mana telah jadi satu tempat yang menarek pelanchong yang banyak dan penyakit yang mereka dapat daripada Padang Besar ini sangat-lah susah di-ubati, oleh kerana mereka juga membeli ubat ini dengan senang, di-kedai² dan sa-lepas mereka itu tidak dapat baik dengan ubat ini, baharu-lah pergi berjumpa dengan doktor². Dan selalu-lah kena belanja lebeh banyak lagi, kerana doktor terpaksa menggunakan ubat antibiotic yang lebeh mahal lagi.

Jadi berkenaan dengan perkara ini juga, saya perchaya, Kementerian belum menyediakan undang², atau pun chara² untok menahan Sin Seh ini daripada menjual ubat² yang ada di-dalam poison schedule. Kalau ada undang² sa-kali pun, saya perchaya bahawa Pejabat Kesehatan kurang ada kakitangan untok menyelidek atau pun mengawasi perkara ini, dan kalau-lah tidak ada kakitangan patut-lah jabatan ini bekerjasama dengan pihak Polis atau pun kastam supaya kedai² ini dipereksa dengan teliti dan jika di-dapati ada ubat² yang tak patut di-jual oleh mereka itu maka patut-lah mereka itu di-bawa dan di-hukum di-mahkamah.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, I will be very brief. As you are aware, Sir, this Ministry started with perhaps the greatest handicap in 1957 when the country became independent. The average hospital was about 40 to 50 years old but, in spite of that, great improvements have been made. However, for certain reasons, the improvements have perhaps, not been able to keep up with the requirements, because many of our people were accustomed to go to quack doctors, as my Honourable friend has said, and some of them keep on going, but now with education they prefer to go to a qualified doctor.

Now, Sir, there are certain observations which I would like to make. One

is the question of post-mortem. This question has caused a lot of misunderstanding in several areas and the Ministry has tried its best to clarify the matter but I would suggest that more particulars should be given to the ra'ayat because, as we are aware, sometimes the doctor is put in a very awkward position, where the family or relatives refuse to allow a post-mortem while the Police insist on a post-mortem. I hope that the position would be more clarified and the ra'ayat would be made more familiar with the responsibilities and the duties of a doctor.

The next point I would like to speak, Mr Chairman, Sir, is the question of specialists. I would agree with the previous speaker from Seberang Utara that specialists should be given more allowances rather than fees, because I know from doctors themselves that when a senior Government official is to be operated, or a third class patient is to be operated, the Senior Surgeon usually sends his assistant, because he is not going to get any fees from the Government officials, nor will he get any fees from a third class patient. This is not fair to the patient whilst at the same time a specialist who has taken the trouble to earn extra qualification should be paid for his experience and learning.

The other point is District Hospitals. As you are aware, in small places there is only one doctor and he has to work long hours. He is pulled up during the day and during the night, and I suggest to the Ministry that there should be some compensation in the way of giving extra leave for the long hours that the doctors in the districts have to put up with.

I think the country must have received the news with joy that the Ministry intends to open up the Register to doctors other than from the countries where they come from now. Previously only doctors from certain countries were recognised for obvious reasons, but now the Ministry has decided that Malaysians who have earned their qualifications, even from abroad, would be recognised; and as you are aware, we have many good

doctors from the United States and their qualifications are in no way inferior to those of the doctors from England.

Sir, there is another point in respect of the National language and the doctors. As you know, Sir, the doctors are very busy people, they are called up at all times, and sometimes, though with the best of intentions they are not able to qualify themselves in the National language. I think, that some extra concession should be given to them, because there are cases where doctors have resigned from the service due to their inability to get through the National language and thereby being deprived of their promotions. This is all.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, in his speech the Honourable Minister of Health told this House that the new General Hospital in Kuching would be completed this year. This is welcome news. As the existing hospital there was built some 38 years ago and there is congestion in the hospital, therefore a new one should be given top priority.

Sir, in answer to my question as to what plans the Minister of Health has in mind to start the new hospital, in view of the fact that there is an acute shortage of doctors in the existing Government hospitals in Sarawak, the Parliamentary Secretary to the Minister of Health has written to me saying—I quote, “It is reported from Sarawak that the recruitment of staff there is proceeding satisfactorily”. Sir, this is too brief; we want more details—for example, how many doctors, nurses and hospital assistants will be required for the new General Hospital, how many are short and how they will be recruited. These are of interest to the people in Sarawak.

Sir, I wish to touch on page 318, Head S. 30 Ministry of Health (Sarawak) in respect of the post of Director of Medical Services. Sir, this post has been held by an expatriate who is due for retirement. There is a local Medical Officer who has the necessary qualifications and experience, and moreover,

he has been acting in the capacity of Director of Medical Services during the absence of the Director. Sir, in my opinion, this post should be Borneanised as a suitable local person is available. If it is filled by another expatriate when the Director retires, it is not in keeping with the policy of Borneanisation. Therefore, I strongly urge the Honourable Minister to give this matter his serious consideration and see that this post is filled by the local medical officer whom I have just mentioned.

Sir, now I would like to make my observation on page 322, Head S. 30—Sarawak Rural Health Improvement Scheme. I am grateful to the Honourable Minister for the allocation of \$123,090 for this Scheme, which is \$38,554 more than the 1966 estimates. However, this is still inadequate, in view of the very wide area this scheme covers. I would suggest for the consideration of the Minister that more mobile dispensaries, midwives and nurses should be provided for this Scheme. Thank you Sir.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Pengerusi, semua-nya 18 orang Ahli² Yang Berhormat telah berucap dan kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, saya ucapkan sebanyak terima kaseh. Pandangan² yang telah di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat, saya ambil perhatian dan mana yang menasabah akan di-jalankan dan akan di-timbang-kan sa-berapa boleh-nya dan mana² yang menasabah di-jalankan. Ma'alum-lah masa ini saya sendiri pun macham saya kata dalam ucapan saya tadi merasa ta' puas hati atas peruntokan² ini, tetapi apa boleh buat keadaan negeri kita sekarang kekurangan wang. Jadi, sa-berapa yang boleh ini-lah dia yang ada di-Estimate ini untuk di-belanjakan pada tahun 1967. Sekarang saya suka menjawab kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah berucap dan memberikan pandangan yang penting².

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu telah membangkitkan keadaan hospital di-Kota Bharu dan pegawaii²-nya yang kekurangan dan tidak banyak

bertambah senmenjak daripada masa sa-belum merdeka. Saya suka menjawab kapada Ahli Yang Berhormat itu dan menyatakan ia-itu pada tahun 1957 hanya ada empat atau lima orang sahaja doktor, tetapi pada masa ini bilangan doktor telah bertambah kapada 18 orang termasuk 5 orang doktor pakar. Bilangan doktor gigi pada tahun 1957 ia-lah sa-ramai 3 orang, tetapi sekarang bilangan itu telah bertambah kapada 6 orang termasuk sa-orang pakar pergigian. Kementerian saya akan menghantar sa-orang lagi pegawai pergigian ka-Kelantan dalam masa dua bulan lagi.

Berkenaan dengan Rumah Sakit Umum Kota Bharu bilangan katil² pada tahun 1957 ia-lah sa-banyak 494 tetapi pada hari ini bilangan itu telah bertambah kapada 644. Mengikut angka² yang ada di-Kementerian saya hanya 77% sahaja daripada katil² itu di-gunakan. Ahli Yang Berhormat telah menyatakan ia-itu pada 1 hari-bulan January, 1967, beliau ada menyatakan sa-banyak 369 orang sakit telah tiada dapat tempat tidor. Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan ia-itu orang² ini bukan-lah orang sakit biasa, tetapi ia-lah mereka yang telah di-pindahkan daripada kawasan² yang telah di-timpa banjir

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Untuk penjelasan. Tuan Pengerusi, masaalah 362 orang ini ia-lah orang sakit yang pergi ka-hospital, tetapi ta' ada bed hendak di-isikan sa-bagaimana katil biasa. Dia terpaksa di-masokkan juga ka-hospital itu dan di-letakkan di-lantai. Ta' ada bersangkut-paut dengan banjir ini. Saya telah menunjokkan benda ini.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Untuk kesenangan mereka itu, Kementerian saya menghantar dengan jalan kapal terbang sa-banyak 200 helai kain selimut, chadar² dan bantal² serta dengan sarong²-nya. Saya suka juga menyebutkan di-sini saya sendiri pun telah pergi ka-Kota Bharu untuk ber-ikhtiar bagaimana hendak memperbaiki dan memperbesarkan Rumah Sakit Kota Bharu dan telah di-buat satu

chadangan supaya rumah di-hadapan hospital itu yang ada dua bangunan di-situ supaya di-ikhtiarkan di-buat tingkat ka-atas.

Tetapi baru ini saya telah dapat *report* daripada *Engineer* di-sana mengatakan yang asas (*foundation*) rumah² itu tidak membenarkan kita naikan tingkat itu. Jadi, terpaksa-lah saya membuat ranchangan baru. Bukan saya tidak ada ambil tindakan—tidak!

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat mengatakan atau menudoh ada dasar pilih kaseh. Saya suka menyatakan kapada Ahli Yang Berhormat itu saya dan pegawai² Kementerian saya bila saya menjadi Menteri sa-telah pilihan raya saya anggap diri saya Menteri kapada keseluruhan ra'ayat, sungguh pun Perikatan yang mem-peluporkan saya hingga menjadi Menteri. Jadi, sa-lama ini saya perchaya, Ahli Yang Berhormat itu pun tahu tak ada pilih kaseh yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan.

Saya suka menyatakan ia-itu semen-jak tahun 1962 sa-jumlah wang sa-banyak \$1.5 juta telah di-belanjakan di-negeri Kelantan untuk membaiki dan menambah rumah² sakit dan juga kemudahan² kapada-nya. Berkenaan dengan kematian² pendudok² di-luar bandar apabila di-bandingkan dengan pendudok² dalam bandar, saya suka menyatakan, Kementerian saya sangat sedar berkenaan dengan perkara ini. Dengan sebab itu-lah Kerajaan telah mengambil langkah untuk membaiki dan meluaskan lagi perkhidmatan perubatan-nya dan kesihatan di-luar bandar.

Sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat mendengar betul² akan ucapan saya, beliau akan dapati bahawa Kement-erian saya telah berchadang mengam-bil beberapa langkah untuk mengatasi akan segala perkara² yang membaiki kematian dan penyakit di-kawasan di-luar bandar. Sa-bagai bakti angka kematian kanak² di-luar bandar telah beransor kurang daripada sa-tahun ka-sa-tahun. Pada tahun 1957 angka kematian kanak² ia-lah sa-banyak 96 pada tiap² satu ribu tetapi pada tahun 1964 angka ini telah jatuh kapada 59.

Berkenaan dengan Malaria. Saya menguchapkan beranyak² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah menyokong akan ranchangan Kementerian saya untuk menghapuskan penyakit tersebut daripada negeri ini. Sebagai langkah yang pertama untuk menjalankan ranchangan ini, Kementerian saya telah melancarkan Ranchangan Pilot tiga tahun daripada 1961 hingga 1964, dan sa-lepas daripada itu kita telah mengadakan ranchangan bakal menchegeh penyakit *pre-eradication*. Sekarang ranchangan yang lengkap untuk menghapuskan malaria telah pun di-siapkan. Dan bagaimana yang di-nyatakan dalam ucapan saya, ranchangan ini akan memakan belanja sa-banyak \$118 juta. Berkenaan dengan wang peruntukan sa-banyak \$5.25 juta itu untuk menchegeh malaria, saya suka menyatakan ia-itu sa-bahagian daripada wang itu akan di-gunakan untuk meluaskan perkhidmatan untuk menghapuskan penyakit tersebut di-kawasan di-luar bandar. Soal-nya sekarang ia-lah soal menchari duit sa-banyak \$118 juta, dan kita berikhtiar sa-berapa boleh-nya mendapat pinjaman daripada luar negeri.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang untuk malaria ini sudah di-untokkan sa-banyak \$5 juta lebeh, Yang Berhormat Menteri itu berkata sa-bahagian daripada-nya boleh-kah saya tahu berapa sa-bahagian itu? Saya takut jadi macham dahulu² juga hanya 10% sahaja daripada \$5 juta itu untuk di-luar bandar dan 50% untuk dalam bandar.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Pengerusi, belum di-tetapkan lagi. Satu Jawatan-kuasa telah di-lantek untuk menjalankan ranchangan ini.

